



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**ELAUN PELABURAN SEMULA**

**KETETAPAN UMUM NO. 6/2012**

**TARIKH KELUARAN: 12 OKTOBER 2012**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**ELAUN PELABURAN SEMULA**

**Ketetapan Umum No. 6/2012  
Tarikh Keluaran: 12 Oktober 2012**

---

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

(Keluaran A Ketetapan Umum No. 2/2008 bertarikh 3 April 2008 telah digantikan dengan penerbitan Edisi Pertama ini)

Diterbitkan pada 12 Oktober 2012

Edisi pertama pada 12 Oktober 2012

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Ringkasan Pindaan	1
3. Peruntukan Berkaitan	2
4. Tempoh Minimum Operasi Untuk Layak Elaun Pelaburan Semula	2
5. Elaun Pelaburan Semula Sebagai Suatu Insentif	5
6. Projek Yang Layak	8
7. Perbelanjaan Modal	21
8. Tempoh Yang Layak	26
9. Pelupusan Aset	29
10. Ketidapkakaian	35
11. Elaun Pelaburan Semula Untuk Projek Pertanian	43
12. Prosedur Tuntutan	46

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

Kecuali untuk isu di mana pertimbangan khas atau konsesi telah dibenarkan, tarikh berkuat kuasa setiap perenggan dalam Ketetapan ini mengikut tarikh kuat kuasa peruntukan berkaitan dalam ACP 1967, Kaedah-Kaedah (Cukai Pendapatan) atau Perintah Pengecualian (Cukai Pendapatan).

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**1. Objektif**

Objektif Ketetapan ini adalah untuk membantu pembayar cukai menentukan kelayakan tuntutan Elaun Pelaburan Semula (EPS) di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan memberi penjelasan berhubung dengan:

- 1.1 projek-projek yang layak untuk EPS
- 1.2 perbelanjaan yang layak untuk EPS
- 1.3 tempoh kelayakan untuk EPS; dan
- 1.4 pengiraan EPS.

**2. Ringkasan Pindaan**

Ketetapan ini diterbitkan untuk menggantikan Ketetapan Umum No. 2/2008 yang dikeluarkan pada 3 April 2008. Antara pindaan yang dibuat kepada Ketetapan Umum (KU) yang digantikan adalah diringkaskan seperti berikut:

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 2/2008	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
Tiada	4.2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pindaan kepada perenggan 1, 1A dan 1C, Jadual 7A ACP 1967</li> </ul> Kuat kuasa: Tahun Taksiran (TT) 2009	Bajet 2009 (Baharu)
Tiada	5.3.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratusan pendapatan berkanun yang digunakan untuk tolakan EPS</li> </ul> Kuat kuasa: TT 2012	Bajet 2012 (Baharu)
Tiada	6.1.1 dan 6.1.4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksud projek yang layak sebelum dan mulai TT 2009</li> </ul> Kuat kuasa: TT 2009	Bajet 2009 (Baharu)
	6.3.1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksud pengilangan</li> </ul> Kuat kuasa: TT 2009	
	6.3.4 dan 6.3.5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsesi membenarkan EPS jika tuntutan pertama dibuat sebelum TT 2009</li> </ul>	

Tiada	7.2.1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Maksud kilang sebelum TT 2012</li> </ul>	Bajet 2012 (Baharu)
	7.2.2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Maksud kilang mulai TT 2012 dan seterusnya</li> </ul>	
Tiada	8.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Konsep tempoh yang layak</li> </ul>	Penjelasan (Baharu)
Tiada	9.2.2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelupusan aset</li> <li>Kuat kuasa: TT 2009</li> </ul>	Bajet 2009 (Baharu)
	9.2.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Konsesi untuk aset diperoleh sebelum TT 2009</li> </ul>	
	9.4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemindahan terkawal</li> <li>Kuat kuasa: Mulai 9.1.2009</li> </ul>	
Tiada	10.4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perubahan daripada tempoh kepada tempoh asas</li> <li>Kuat kuasa: TT 2011</li> </ul>	Bajet 2011 dan 2012 (Baharu)
	10.5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemakaian secara retrospektif perenggan 7(b), (d) dan (e)</li> <li>Kuat kuasa: TT 2011</li> </ul>	Bajet 2012 (Baharu)
	10.7	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketidakkpakaian insentif lain</li> </ul>	Penjelasan (Baharu)
Tiada	11.8 dan 11.9	<ul style="list-style-type: none"> <li>EPS untuk perniagaan menternak ayam dan itik</li> <li>Kuat kuasa: TT 2009</li> </ul>	Bajet 2009 (Baharu)

### 3. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan ACP 1967 yang ada kaitan dengan Ketetapan ini ialah seksyen 133A, Jadual 3 dan Jadual 7A.

### 4. Tempoh Minimum Operasi Untuk Layak EPS

4.1 Sebelum tahun taksiran 2009, suatu syarikat atau seseorang hendaklah telah beroperasi tidak kurang daripada 12 bulan untuk membolehkan layak EPS.

EPS merupakan suatu insentif cukai khas yang diberikan kepada:

- 
- 4.1.1 syarikat bermastautin di Malaysia yang telah beroperasi tidak kurang daripada 12 bulan dan telah melakukan perbelanjaan modal atas kilang, loji atau jentera yang digunakan di Malaysia bagi tujuan projek yang layak
- 4.1.2 syarikat bermastautin di Malaysia yang telah beroperasi tidak kurang daripada 12 bulan dan telah melakukan perbelanjaan modal berkaitan dengan suatu projek pertanian di Malaysia untuk tujuan projek yang layak di bawah perenggan 8(c), Jadual 7A ACP 1967, dan
- 4.1.3 orang yang bermastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan yang telah beroperasi tidak kurang daripada 12 bulan dan telah melakukan perbelanjaan modal berkaitan dengan suatu projek pertanian di Malaysia untuk tujuan projek yang layak di bawah perenggan 8(d), Jadual 7A ACP 1967.
- 4.2 Pindaan kepada perenggan 1, 1A dan 1C, Jadual 7A ACP 1967
- 4.2.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009, suatu syarikat atau seseorang hendaklah telah beroperasi tidak kurang daripada 36 bulan untuk layak EPS.

**Contoh 1: Tempoh operasi kurang daripada 36 bulan**

Syarikat A memulakan operasi pengilangan biskut pada 1.1.2007 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat A melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM300,000 untuk tujuan projek yang layak pada 1.1.2009 (syarikat telah terlibat dalam perniagaan mengilang biskut untuk 24 bulan).

Syarikat A tidak layak EPS ke atas perbelanjaan modal sejumlah RM300,000 yang dilakukan kerana pada 1.1.2009, syarikat tersebut telah terlibat dalam perniagaan pengilangan biskut untuk kurang daripada 36 bulan. Pindaan kepada perenggan 1, 1A dan 1C, Jadual 7A ACP 1967 memberi kesan kepada syarikat A.

**Contoh 2: Tempoh operasi lebih daripada 36 bulan**

Pada 1.3.2010 Syarikat A dalam Contoh 1 membeli beberapa buah mesin berharga RM100,000 untuk tujuan suatu projek yang layak.

Syarikat A layak EPS ke atas perbelanjaan modal sejumlah RM100,000 yang dilakukan pada 1.3.2010 kerana Syarikat A telah terlibat dalam perniagaan mengilang biskut lebih daripada 36 bulan.

---

**Contoh 3: Tempoh operasi dikira dari hari syarikat memulakan perniagaan pengilangan**

Syarikat B memulakan perniagaan mengilang kasut pada 1.3.2005 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.5.2006, Syarikat B memulakan pengilangan produk penjagaan diri yang tidak berkaitan dengan pengilangan kasut seperti syampu rambut, perapi dan produk pendandan rambut. Syarikat B mempelbagaikan beberapa jenis produk penjagaan diri seperti syampu badan dan losyen badan serta melakukan perbelanjaan modal yang layak sejumlah RM130,000 pada 1.2.2009 untuk tujuan tersebut.

Dalam menentukan sama ada Syarikat B telah beroperasi tidak kurang daripada 36 bulan, tempoh operasi adalah dikira dari hari syarikat memulakan perniagaan pengilangan produk penjagaan diri iaitu 1.5.2006. Oleh kerana syarikat telah menjalankan perniagaan pengilangan produk penjagaan diri hanya 33 bulan, Syarikat B tidak layak EPS ke atas perbelanjaan modal sejumlah RM130,000.

**Contoh 4: Pindaan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009**

Syarikat D memulakan perniagaan pengilangan barangan plastik pada 1.1.2007 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Selepas 18 bulan, syarikat melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM200,000 pada 1.7.2008 untuk sebuah mesin berteknologi tinggi bagi tujuan projek yang layak.

Syarikat D layak EPS bagi tahun taksiran 2008 ke atas perbelanjaan modal sejumlah RM200,000. Syarikat D tidak terjejas oleh pindaan kepada perenggan 1, 1A dan 1C, Jadual 7A ACP 1967 kerana pindaan berkenaan hanya berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

4.2.2 **Konsesi di mana tempoh yang layak bermula sebelum tahun taksiran 2009**

Jika suatu syarikat atau seseorang telah membuat tuntutan pertama EPS sebelum tahun taksiran 2009, EPS boleh terus dituntut walaupun tempoh operasi kurang dari 36 bulan.

**Contoh 5: Tuntutan pertama EPS sebelum tahun taksiran 2009**

Pada 1.4.2009 Syarikat D dalam Contoh 4 telah melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM250,000 untuk sebuah mesin bagi tujuan projek yang layak yang lain (syarikat telah terlibat dalam perniagaan pengilangan untuk 27 bulan).

Sebagai konsesi, Syarikat D layak EPS bagi tahun taksiran 2009 ke atas perbelanjaan modal sejumlah RM250,000 walaupun tempoh

operasi pengilangan barangan plastik hanya 27 bulan kerana syarikat telah membuat tuntutan pertama EPS sebelum tahun taksiran 2009.

## 5. EPS Sebagai Suatu Insentif

- 5.1 EPS diberi kepada syarikat atau orang yang layak bersamaan dengan jumlah 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran berkaitan dengan projek yang layak.
- 5.2 EPS ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaan tetapi terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun.

### Contoh 6

Syarikat E memulakan perniagaan pengilangan perabot pada 1.1.2007 di sebuah kilang di Muar, Johor. Pada 10.6.2008, syarikat melakukan perbelanjaan modal berjumlah RM200,000 untuk sebuah jentera bagi tujuan projek yang layak. Syarikat menutup akaun pada 31 Disember. Pendapatan berkanun perniagaan untuk tahun taksiran 2008 ialah RM150,000. Syarikat E tidak mempunyai pendapatan lain.

Pengiraan EPS untuk tahun taksiran 2008 adalah seperti berikut:

	<u>RM</u>
Pendapatan berkanun	150,000
Tolak: EPS (60% X 200,000 = 120,000)	
EPS terhad kepada (70% x 150,000)	<u>105,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>45,000</u>

- 5.3 EPS ditolak daripada pendapatan berkanun

#### 5.3.1 Sebelum tahun taksiran 2012

EPS boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun perniagaan di dalam keadaan-keadaan berikut:

- (a) projek yang layak bertempat di dalam kawasan digalakkan yang terdiri daripada negeri Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis dan daerah Mersing di negeri Johor; atau
- (b) projek yang layak telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Tahap produktiviti akan diukur dengan menggunakan satu nisbah Kecekapan Proses (PE) seperti yang ditunjukkan di Lampiran B dan hendaklah dibandingkan dengan tahap yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan untuk sesuatu tahun taksiran yang sama.



Walau bagaimanapun, tolakan sehingga 100% daripada pendapatan berkanun **tidak terpakai** kepada syarikat yang menjalankan projek yang layak dalam sektor pertanian **kecuali** bagi orang yang menjalankan operasi perniagaan di kawasan digalakkan.

Peratusan pendapatan berkanun yang boleh digunakan untuk tolakan EPS adalah diringkaskan seperti berikut:

Aktiviti Syarikat/Orang	Peratusan Pendapatan Berkanun Yang Boleh Ditolak		
	Bukan Kawasan Digalakkan		Kawasan Digalakkan
Pengilangan atau Pemprosesan	PE tidak tercapai	PE tercapai	100%
	70%	100%	
	Pertanian	70%	Tidak berkaitan

- 5.3.2 Jika seseorang mengusahakan projek yang layak di kawasan digalakkan dan juga di luar kawasan digalakkan dalam tahun taksiran yang sama, syarikat layak EPS seperti ditunjukkan dalam Contoh 7.

### Contoh 7

Syarikat F mengusahakan 2 projek yang layak dalam tahun taksiran 2007, satu di Kuantan (kawasan digalakkan) dan satu lagi di Pulau Pinang (bukan kawasan digalakkan). Perbelanjaan yang layak adalah RM2 juta untuk projek di Kuantan dan RM3 juta untuk projek di Pulau Pinang.

Pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2007	RM1.0 juta
Pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2008	RM1.5 juta
Pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2009	RM2.0 juta

Pengiraan cukai pendapatan adalah seperti berikut:

<b>Tahun Taksiran 2007</b>	(RM)
Pendapatan berkanun	1,000,000
Tolak: EPS untuk projek di Kuantan (60% X 2,000,000) = 1,200,000	
EPS terhad kepada (100% x 1,000,000)	<u>1,000,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

Jumlah EPS tidak diserap dibawa hadapan ialah:

(RM)

(a)	1,200,000 - 1,000,000	=	200,000	(projek Kuantan)
(b)	60% X 3,000,000	=	<u>1,800,000</u>	(projek Pulau Pinang)
			<u>2,000,000</u>	

**Tahun Taksiran 2008**

(RM)

Pendapatan berkanun	1,500,000
Tolak: EPS bawa hadapan daripada projek Kuantan	<u>200,000</u>
	1,300,000
Tolak: EPS bawa hadapan daripada projek Pulau Pinang EPS terhad kepada (70% X 1,500,000)	<u>1,050,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>250,000</u>

EPS tidak dapat diserap daripada projek Pulau Pinang dihantar hadapan ialah:

$$RM1,800,000 - RM1,050,000 = RM750,000$$

**Tahun Taksiran 2009**

(RM)

Pendapatan berkanun	2,000,000
Tolak: EPS bawa hadapan daripada projek Pulau Pinang	<u>750,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>1,250,000</u>

**5.3.3 Mulai tahun taksiran 2012**

Dengan pindaan kepada proviso di perenggan 3 Jadual 7A ACP 1967, EPS untuk projek yang ditempatkan di kawasan yang digalakkan seperti dinyatakan dalam perenggan 5.3.1(a) tidak lagi boleh diberi tolakan daripada keseluruhan pendapatan berkanun. Tolakan untuk EPS telah diturunkan daripada 100% kepada 70% daripada pendapatan berkanun.

Peratusan pendapatan berkanun yang boleh digunakan untuk tolakan EPS adalah diringkaskan seperti berikut:

Aktiviti Syarikat/Orang	Peratusan Pendapatan Berkanun Yang Boleh Ditolak		
	Bukan Kawasan Digalakkan		Kawasan Digalakkan
Pengilangan	KP tidak tercapai	KP tercapai	70%
	70%	100%	
	Pertanian	70%	Tidak berkaitan

#### 5.4 EPS tidak diserap

5.4.1 EPS yang tidak dapat diserap dalam suatu tahun taksiran disebabkan kekurangan atau ketiadaan pendapatan berkanun boleh dihantar hadapan dan ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaan dalam tahun-tahun taksiran berikut sehingga EPS diserap sepenuhnya.

5.4.2 EPS yang tidak dapat diserap dan dihantar hadapan untuk ditolak dalam tahun-tahun taksiran berikut adalah dihadkan kepada 70% daripada pendapatan berkanun perniagaan.

5.4.3 Dalam kes di mana EPS tahun semasa ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun, amaun EPS dibawa hadapan juga akan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun.

5.4.4 Suatu syarikat yang telah mencapai tahap produktiviti bagi sesuatu tahun taksiran, EPS bagi tahun taksiran tersebut ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun. Sekiranya pendapatan berkanun tidak mencukupi untuk menyerap EPS tersebut, maka amaun EPS yang tidak dapat diserap dan dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut akan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun. Walau bagaimanapun EPS tersebut boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam tahun-tahun berkenaan sekiranya syarikat mencapai tahap produktiviti.

5.5 EPS diberi atas asas syarikat dan bukannya atas asas projek. Suatu syarikat boleh menikmati EPS bagi lebih daripada satu projek dalam tahun taksiran yang sama.

#### 6. Projek Yang Layak

Projek yang layak untuk tujuan EPS berbeza untuk tempoh sebelum tahun taksiran 2009 dan mulai tahun taksiran 2009 dan seterusnya

- 
- 6.1 Di bawah perenggan 8, Jadual 7A ACP 1967 projek yang layak merujuk kepada –
- 6.1.1 Sebelum dan mulai tahun taksiran 2009
- (a) **Sebelum tahun taksiran 2009**
- Suatu projek yang diusahakan oleh suatu syarikat, bagi membesarkan, memodenkan atau mengautomasikan perniagaan sedia ada berkenaan dengan pengilangan atau pemprosesan suatu produk atau mana-mana produk berkaitan dalam industri yang sama atau mempelbagaikan perniagaan sedia ada kepada apa-apa produk berkaitan dalam industri yang sama.
- (b) **Mulai tahun taksiran 2009**
- Untuk mengecualikan pemprosesan, definisi di atas telah dipinda kepada -
- suatu projek yang diusahakan oleh suatu syarikat, bagi membesarkan, memodenkan atau mengautomasikan perniagaan sedia ada berkenaan dengan pengilangan suatu produk atau mana-mana produk berkaitan dalam industri yang sama atau mempelbagaikan perniagaan sedia ada kepada apa-apa produk berkaitan dalam industri yang sama.
- 6.1.2 Suatu projek yang diusahakan oleh suatu syarikat yang diluluskan di bawah seksyen 31A Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi membesarkan perniagaan sedia ada atau memodenkan teknik pengeluaran atau pemprosesan (dibatalkan berkuat kuasa mulai 31.8.2007).
- 6.1.3 Suatu projek pertanian yang diusahakan oleh suatu syarikat bagi membesarkan, memodenkan atau mempelbagaikan perniagaan penanaman dan perladangan tetapi tidak termasuk perniagaan menternak ayam dan itik.
- 6.1.4 Sebelum dan mulai tahun taksiran 2009
- (a) **Sebelum tahun taksiran 2009**
- Sesuatu projek pertanian yang diusahakan oleh seseorang iaitu **mengubah** perniagaan menternak ayam dan itik daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup sebagaimana yang ditentu sahkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (sehingga tahun taksiran 2010).

(b) **Mulai tahun taksiran 2009**

Definisi di atas telah dipinda kepada suatu projek yang diusahakan oleh seseorang -

- (i) dalam **mengubah** perniagaan menternak ayam dan itik daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup, atau
- (ii) dalam **membesarkan** perniagaan sedia ada menternak ayam dan itik dalam sistem reban tertutup.

Kedua-dua projek pengubahan dan pembesaran hendaklah ditentu sahkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Walau bagaimanapun kedua-dua projek ini merupakan projek yang layak untuk tujuan EPS hanya sehingga tahun taksiran 2010.

6.2 **Sebelum tahun taksiran 2009**

Maksud pengilangan dan pemprosesan

6.2.1 Pengilangan

**Pengilangan** ialah pembuatan bahan oleh tenaga fizikal atau mesin. Ia merupakan ciptaan sesuatu yang tidak wujud dalam bentuk berkenaan sebelum proses pengilangan. Perubahan elemen atau unsur merupakan ciri yang penting dalam pengilangan. Merujuk kepada Jadual 7A ACP 1967, pada dasarnya, pengilangan boleh dibahagikan kepada dua kategori:

- (a) pengilangan yang **menghasilkan suatu produk yang berbeza dari segi sifat dan bentuk**, sebagai contoh kayu kepada kertas, dan
- (b) pengilangan yang **menghasilkan suatu produk yang tidak berubah dari segi sifat tetapi berbeza dari segi bentuk**, sebagai contoh, kayu kepada perabot.

6.2.2 Pemprosesan

- (a) **Pemprosesan** ialah pengolahan barangan kepada suatu proses yang memberi maksud, barangan atau bahan-bahan itu diolah kepada suatu proses yang tidak sampai ke tahap pembuatan suatu benda baru tetapi melibatkan pengolahan barangan dengan sesuatu cara, selain daripada pertumbuhan semula jadi.
- (b) Pemprosesan merujuk kepada suatu teknik penyediaan, pengendalian atau lain-lain aktiviti yang direka bentuk untuk memberi perubahan fizikal atau kimia dalam sesuatu benda atau bahan.

- (c) Pemprosesan juga membawa maksud satu ukuran di mana sebahagian besarnya adalah ukuran keseragaman bagi kendalian atau sistem bagi kendalian. Oleh itu, setiap produk yang dikendali secara berasingan mengikut spesifikasi dikehendaki, ia tidak boleh dianggap sebagai telah diolah kepada suatu proses mengikut maksud Jadual 7A ACP 1967.
- (d) Sesuatu aktiviti boleh dinyatakan sebagai pemprosesan sekiranya sesuatu produk telah melalui satu siri tindakan yang sistematik, mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada sebelumnya (telah dijadikan menarik di pasaran pada nilai yang lebih tinggi dengan kuantiti yang sama) dan boleh terima di pasaran.

**Contoh 8: Aktiviti bukan pemprosesan**

Syarikat G menjalankan perniagaan membuat papan iklan dan papan tanda. Produk-produk dibuat secara berasingan mengikut spesifikasi pelanggan.

Syarikat G tidak layak untuk EPS oleh kerana aktiviti berkenaan bukan pemprosesan bagi tujuan EPS.

**6.3 Mulai tahun taksiran 2009**

**6.3.1 Pengilangan**

Pengilangan bagi tujuan tuntutan EPS ditakrifkan sebagai -

- (a) perubahan secara manual atau mekanikal bahan organik atau bukan organik kepada produk baru dengan menukar saiz, bentuk, komposisi, sifat semula jadi atau kualiti bahan tersebut.
- (b) percantuman bahagian menjadi sebuah jentera atau produk atau
- (c) campuran bahan-bahan melalui proses reaksi kimia termasuk proses biokimia yang mengubah struktur molekul melalui pemecahan ikatan intra molekul atau melalui pengubahan susunan ruang atom dalam molekul.
- (d) Pengilangan tidak termasuk -
  - (i) pemasangan jentera atau peralatan untuk tujuan pembinaan
  - (ii) operasi pembungkusan ringkas seperti pembotolan, penyimpanan dalam kotak, beg dan bekas
  - (iii) pemasangan ringkas
  - (iv) campuran ringkas mana-mana produk

- 
- (v) percantuman ringkas bahagian
  - (vi) mana-mana aktiviti untuk memastikan penjagaan produk dalam keadaan baik semasa pengangkutan dan penyimpanan
  - (vii) mana-mana aktiviti untuk memudahkan penghantaran dan pengangkutan
  - (viii) mana-mana aktiviti pembungkusan atau persembahan produk untuk dijual atau
  - (ix) mana-mana aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri. Walau apa pun interpretasi di atas iaitu senarai aktiviti seperti di Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan [Penetapan Aktiviti Yang Dikecualikan Daripada Takrif Pengilangan] 2012 - P.U.(A) 23 (Lampiran C), Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

Memandangkan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan di atas hanya dikeluarkan pada 9.1.2012, konsesi diberi di mana tuntutan EPS yang dibuat untuk tahun taksiran 2009 hingga 2011 dibenarkan walaupun aktiviti tersebut adalah aktiviti yang terdapat dalam senarai di Lampiran C. EPS tersebut tidak lagi layak untuk aktiviti yang sama mulai tahun taksiran 2012 dan seterusnya. Walau bagaimanapun EPS yang tidak dapat diserap boleh dibawa hadapan iaitu ke tahun taksiran 2012 dan tahun taksiran berikut.

- 6.3.2 **Ringkas** yang dinyatakan dalam perenggan 6.3.1(d)(ii) hingga (v) dalam Ketetapan ini adalah aktiviti yang tidak memerlukan kemahiran khusus, mesin, peralatan atau kelengkapan yang dikeluarkan atau dipasang khusus untuk menjalankan aktiviti tersebut.
- 6.3.3 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 pemprosesan bukan lagi aktiviti yang layak untuk tujuan EPS. Ini bermakna hanya syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengilangan layak menuntut EPS di bawah perenggan 8(a), Jadual 7A ACP 1967.
- 6.3.4 Konsesi membenarkan EPS terus dituntut bagi aktiviti pemprosesan jika tuntutan pertama dibuat sebelum tahun taksiran 2009

Walaupun pemprosesan bukan lagi merupakan aktiviti yang layak untuk EPS, konsesi telah diberi untuk membenarkan syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan untuk terus menuntut EPS sehingga akhir tempoh kelayakan 15 tahun taksiran sekiranya syarikat tersebut telah membuat tuntutan pertama untuk EPS sebelum tahun taksiran 2009.

---

### Contoh 9

Syarikat P memulakan aktiviti pemprosesan bahan buangan pada 1.2.2007 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.5.2008 Syarikat P membeli mesin baru berharga RM150,000 dan menuntut EPS untuk tahun taksiran 2008 berjumlah RM150,000 ke atas mesin tersebut. Tempoh yang layak bagi Syarikat P adalah dari tahun taksiran 2008 hingga 2022. Pada 10.4.2010, Syarikat P membeli mesin lain berharga RM230,000.

Walaupun aktiviti pemprosesan bukan lagi merupakan aktiviti layak mulai tahun taksiran 2009, Syarikat P layak untuk EPS ke atas mesin berharga RM230,000 dalam tahun taksiran 2010 kerana syarikat telah menuntut EPS sebelum tahun taksiran 2009.

### Contoh 10

Syarikat Q memulakan aktiviti pemprosesan yang layak pada 1.2.1996 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.8.1997 Syarikat Q membeli mesin untuk projek yang layak dan menuntut EPS ke atas aset tersebut dalam tahun taksiran 1997. Pada tahun 1998 syarikat telah melakukan projek pembesaran dan telah menuntut EPS bagi perbelanjaan modal yang layak. Pada tahun 2009 syarikat membeli satu lagi mesin baru berharga RM500,000 untuk projek yang layak.

Walaupun pemprosesan bukan lagi aktiviti yang layak mulai tahun taksiran 2009, Syarikat Q layak menuntut EPS dalam tahun taksiran 2009 kerana syarikat telah membuat tuntutan pertama untuk EPS sebelum tahun taksiran 2009. Walau bagaimanapun Syarikat Q tidak layak EPS selepas tahun taksiran 2011 kerana tempoh kelayakan 15 tahun dikira bermula dari tahun taksiran 1998.

- 6.3.5 Konsesi membenarkan EPS terus dituntut bagi aktiviti pengilangan yang tidak lagi terjatuh di bawah definisi pengilangan jika tuntutan pertama dibuat sebelum tahun taksiran 2009

Walaupun terdapat aktiviti pengilangan yang tidak lagi terjatuh di bawah definisi pengilangan untuk tujuan EPS, konsesi diberi untuk membenarkan syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengilangan tersebut untuk terus menuntut EPS sehingga akhir tempoh kelayakan 15 tahun taksiran sekiranya syarikat tersebut telah membuat tuntutan pertama untuk EPS sebelum tahun taksiran 2009.

### Contoh 11: Telah membuat tuntutan EPS sebelum tahun taksiran 2009

Syarikat J telah menjalankan aktiviti pengilangan sejak 1.1.2005 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.6.2006,



---

Syarikat J menjalankan projek pembesaran dan membeli mesin tambahan yang bernilai RM200,000. Syarikat J telah menuntut EPS ke atas mesin tersebut. Pada 1.6.2009 Syarikat J membeli mesin bernilai RM300,000 untuk projek pembesaran kedua.

Mulai dari tahun taksiran 2009, aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat J tidak lagi terjatuh dalam definisi pengilangan untuk tujuan EPS. Walau bagaimanapun, disebabkan Syarikat J telah membuat tuntutan EPS sebelum tahun taksiran 2009, konsesi diberi untuk membolehkan Syarikat J menuntut EPS bagi tahun taksiran 2009 dan tahun-tahun taksiran berikut sehingga akhir tempoh kelayakan 15 tahun.

**Contoh 12: Tidak pernah menuntut EPS sebelum tahun taksiran 2009**

Syarikat K telah menjalankan perniagaan pengilangan sejak 1.7.2006 dan menutup akaun pada 30 Jun setiap tahun. Pada 1.8.2007 Syarikat K membeli mesin tetapi tidak menuntut EPS ke atas aset tersebut. Pada 1.10.2009, Syarikat K membeli kilang baru untuk membesarkan perniagaan sedia ada. Aktiviti pengilangan Syarikat K tidak terjatuh di bawah definisi baru pengilangan yang ditetapkan dalam perenggan 6.3.1(a) hingga (c) dalam Ketetapan ini.

Syarikat K tidak layak menuntut EPS ke atas kilang baru kerana tiada konsesi akan diberi kepada syarikat K oleh sebab syarikat tidak pernah menuntut EPS sebelum tahun taksiran 2009 dan aktiviti pengilangan tersebut tidak terjatuh di bawah aktiviti yang ditetapkan dalam perenggan 6.3.1(a) hingga (c) dalam Ketetapan ini mulai tahun taksiran 2009.

**Contoh 13: Tidak pernah menuntut EPS sebelum tahun taksiran 2009**

Pada 1.2.2007 Syarikat L yang menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun memulakan aktiviti pengilangan perabot yang diklasifikasikan di bawah perenggan 6.3.1(a) dalam Ketetapan ini. Syarikat L tidak pernah menuntut EPS sebelum ini. Pada 1.4.2010 Syarikat L memulakan pengeluaran produk berkaitan di bawah projek pelbagaian iaitu perabot pasang siap (*assembling knocked down*) dan membeli mesin baru untuk tujuan tersebut.

Syarikat L tidak layak untuk EPS ke atas mesin baru kerana Syarikat L tidak pernah menuntut EPS sebelum tahun taksiran 2009 dan aktiviti pengilangan perabot pasang siap terjatuh di bawah perenggan 6.3.1(d)(v) dalam Ketetapan ini.

---

**Contoh 14: EPS dibenarkan untuk tahun taksiran 2009 hingga 2011**

Syarikat M memulakan perniagaan pengilangan kiub ais pada 1.3.2009 dan menutup akaun pada 28 Februari setiap tahun. Ais dibungkus ke dalam plastik mengikut saiz menurut spesifikasi pelanggan. Pada 1.6.2011 Syarikat M membeli mesin baru untuk tujuan pembesaran perniagaannya.

Walaupun aktiviti ini adalah aktiviti pengilangan yang dinyatakan di bawah perenggan 6.3.1(a) ia terjatuh di bawah senarai yang dikecualikan dalam 6.3.1(d)(ix) Ketetapan ini. Sebenarnya ia tidak layak untuk EPS. Memandangkan bahawa Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan [Penetapan Aktiviti Yang Dikecualikan Daripada Takrif Pengilangan] 2012 hanya dikeluarkan pada 9.1.2012, konsesi diberi di mana EPS dibenarkan untuk tahun taksiran 2009 hingga 2011 walaupun aktiviti tersebut adalah aktiviti yang terdapat dalam senarai di Lampiran C. Disamping itu EPS yang tidak dapat diserap boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran 2012 dan tahun taksiran berikut. EPS tidak lagi dibenarkan mulai tahun taksiran 2012.

**Contoh 15: Proses pengilangan dianggap berhenti pada tahap tertentu**

Syarikat N telah menjalankan perniagaan pengilangan pensel warna sejak 1.2.2006 dan menutup akaun pada 30 September setiap tahun. Pada 1.6.2009, Syarikat N memperoleh loji baru untuk projek pembesaran. Sebahagian loji terdiri daripada mesin untuk melipat kotak berwarna warni dan memasukkan pensel ke dalam kotak tersebut dalam mana pensel itu dijual. Mesin baru yang lain akan memasukkan kotak tersebut ke dalam kotak keras.

Mesin untuk melipat kotak warna-warni dan memasukkan pensel ke dalam kotak tersebut layak EPS. Walau bagaimanapun, mesin yang digunakan untuk memasukkan kotak berwarna warni ke dalam kotak keras untuk tujuan pemasaran tidak layak EPS. Untuk tujuan EPS, proses pengilangan berhenti pada proses memasukkan pensel ke dalam kotak berwarna-warni.

6.4 Maksud projek

- 6.4.1 **Projek** berhubung dengan suatu projek yang layak bagi tujuan Jadual 7A, ACP 1967 ialah suatu usaha yang dijalankan oleh suatu syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengilangan atau pemprosesan (sebelum tahun taksiran 2009) untuk melaksanakan satu pelan atau skim. Ia merupakan satu pelan atau skim yang telah dirancang dengan teliti untuk dilaksanakan dalam tempoh tertentu, dengan bajet yang spesifik dan sasaran untuk pencapaian.

- 6.4.2 Dokumen-dokumen yang boleh digunakan sebagai bukti untuk menyokong suatu projek ialah seperti:
- (a) kertas projek
  - (b) kajian kemungkinan
  - (c) kajian pasaran
  - (d) pelan perniagaan yang menunjukkan arah tindakan yang diambil/akan diambil
  - (e) bajet dan peraturan kewangan
  - (f) resolusi pengarah dan/atau minit mesyuarat, atau
  - (g) lain-lain dokumen berhubung dengan projek.

6.5 Pembrebaran, pemodenan, automasi atau pelbagaian

- 6.5.1 Suatu projek yang layak hendaklah menunjukkan peningkatan dalam kapasiti pengeluaran atau pencapaian dalam bentuk penjimatan masa, bahan atau guna tenaga, atau menghasilkan produk yang lebih berkualiti atau lain-lain penambahbaikan berbanding sebelum syarikat mengusahakan projek yang layak. Peningkatan atau penambahbaikan ini hendaklah ditentukan oleh jurutera pengeluaran atau juruteknik atau lain-lain orang berkaitan yang mempunyai tanggungjawab atau terlibat secara langsung dengan pengeluaran.

**Contoh 16**

Syarikat R, suatu syarikat pengilang komponen kereta, memasang 3 *production lines* tambahan bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran aktiviti pengilangan sedia ada. Kapasiti pengeluaran meningkat daripada 12,000 unit kepada 20,000 unit sebulan.

Syarikat R telah menjalankan suatu projek pembesaran yang layak untuk EPS.

- 6.5.2 Perbelanjaan untuk belian, tambahan, atau penggantian kepada aset sedia ada atau bahagian aset, sama ada secara sukarela atau sebaliknya, tidak layak untuk EPS kecuali ia dibelanjakan bagi tujuan suatu projek yang layak.

**Contoh 17**

Syarikat S, suatu syarikat pengilang barangan plastik telah membeli sebuah mesin baru untuk menggantikan sebuah mesin lama yang buruk.

Syarikat S tidak layak untuk EPS disebabkan syarikat tidak menjalankan suatu projek yang layak.

**Contoh 18**

Syarikat H telah menjalankan perniagaan membekal dan memasang paip sejak 1.3.2006 dan menutup akaun pada 31 Ogos setiap tahun. Paip tersebut dipotong dan dikimpal mengikut spesifikasi pelanggan. Pada 15.6.2009, Syarikat H membeli bangunan baru dan menggunakannya sebagai bengkel untuk projek pembesaran.

Kos bangunan baru tidak layak EPS sebab aktiviti Syarikat H bukan pengilangan bagi tujuan EPS.

6.5.3 Suatu projek pembesaran selalunya dikaitkan dengan kenaikan tempahan kepada sesuatu produk. Ini akan mengakibatkan peningkatan kapasiti pengeluaran berkenaan dengan pengilangan produk berkenaan atau mana-mana produk yang berkaitan dalam industri yang sama. Dalam keadaan biasa, peningkatan kapasiti ini sepatutnya diikuti dengan peningkatan penggunaan kapasiti dan disusuli dengan peruntukan yang tinggi dan penggunaan lain-lain sumber. Akhirnya, hasil pengeluaran dan jualan akan turut meningkat.

6.5.4 Lain-lain contoh bagi maksud pembesaran adalah seperti berikut:

<b>Produk/Aktiviti Sedia Ada</b>	<b>Produk/Aktiviti Baru</b>
sarung tangan getah	sarung tangan kapas, sarung tangan benang bulu biri
tayar kenderaan	tayar pesawat udara, tayar celup, tiub dalaman
produk perawatan kulit	produk alat solek/kosmetik
pengeluaran minyak masak	pengeluaran lemak sayuran, mentega, marjerin
TV konvensional/biasa	TV plasma, TV LCD
kamera analog	kamera digital, kamera video
telefon mudah alih	telefon mudah alih dilengkapi fungsi kamera dan rakaman
permata, permata perak	permata emas, permata dengan kristal dan batu berharga

6.5.5 Pemodenan merujuk kepada menaik taraf peralatan pengilangan dan pemprosesan. Projek pemodenan biasanya diusahakan untuk

mencapai kecekapan yang lebih tinggi dalam pengeluaran, menambah baik kualiti produk dan/atau mengurangkan kos pengeluaran.

**Contoh 19: Menjalankan suatu projek pemodenan**

Syarikat T, suatu syarikat pengilang sarung tangan getah, memasang mesin-mesin baru yang canggih di *production line* sedia ada dengan tujuan untuk mengurangkan bilangan pemprosesan, masa pengeluaran dan kos buruh di samping meningkatkan mutu kualiti keluaran syarikat.

Syarikat T menjalankan suatu projek pemodenan dan layak untuk EPS.

- 6.5.6 Automasi ialah satu proses di mana operasi secara manual diganti dengan operasi mekanikal dengan pertimbangan dan kawalan manusia.

**Contoh 20: Operasi secara manual diganti dengan operasi mekanikal**

Syarikat U, suatu syarikat pengilang motosikal, membeli suatu mesin robot untuk menjalankan kerja-kerja mengimpal dan menyembur yang sebelumnya dibuat oleh pekerja secara manual.

Kos mesin robot itu layak untuk EPS oleh kerana syarikat U telah menjalankan suatu projek yang layak.

- 6.5.7 **Pelbagaian** bermaksud mengusahakan projek untuk menghasilkan produk tambahan atau produk baru yang berkaitan dalam industri yang sama. Produk baru atau tambahan hendaklah berkaitan atau serupa dengan produk sedia ada dari segi ciri-ciri berikut:

- (a) bahan mentah utama
- (b) komponen utama
- (c) jenis, banjaran, pelbagaian, kelas, golongan, kumpulan
- (d) sifat, ciri
- (e) fungsi, tujuan, kegunaan, atau
- (f) proses pembuatan.

- 6.5.8 Contoh-contoh aktiviti atau produk yang layak untuk projek pelbagaian ditunjukkan dalam jadual berikut:

<b>Produk/Aktiviti Sedia Ada</b>	<b>Produk/Aktiviti Baru</b>
sarung tangan getah	kasut getah, mohor getah
tayar kenderaan	bingkai logam untuk roda
produk perawatan kulit	kelengkapan dandanan diri seperti syampu rambut dan badan, losyen halangan matahari
pengeluaran minyak masak	sabun, lilin, minyak
TV konvensional/biasa	pemain VCD dan DVD
permata, permata perak	perhiasan perak, emas, kristal

6.5.9 Contoh-contoh aktiviti atau produk yang tidak layak untuk projek pelbagaian ialah seperti berikut :

<b>Produk/Aktiviti Sedia Ada</b>	<b>Produk/Aktiviti Baru</b>
sarung tangan getah	peralatan makmal
tayar kenderaan	pelampung plastik
produk perawatan kulit dan alat solek	pakaian
pengeluaran minyak masak	perkakas dapur
TV konvensional/biasa	pendingin hawa
barang kemas permata, permata perak	produk alat solek/kosmetik

6.5.10 Pengilangan produk sampingan

Pertukaran produk sampingan daripada aktiviti pengilangan kepada produk baharu melalui cara pengilangan adalah pelbagaian bagi tujuan Jadual 7A ACP 1967.

#### **Contoh 21**

Syarikat V sebuah syarikat yang mengeluarkan minyak kelapa sawit memutuskan untuk menukarkan produk sampingan penapis minyak kelapa sawit, iaitu sulingan asid lemak kelapa sawit kepada makanan haiwan.

Pengilangan makanan haiwan ini layak sebagai projek pelbagaian.

6.5.11 Rawatan bahan buangan untuk kegunaan dalam aktiviti pengilangan yang sama

- (a) Rawatan bahan buangan sebelum dibuang dari kilang bukan merupakan pelbagaian bagi tujuan Jadual 7A ACP 1967. Walau bagaimanapun, rawatan bahan buangan mungkin boleh dibezakan secara berasingan sebagai suatu projek yang layak sekiranya ia memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- (b) Dalam kes di mana, bahan buangan tidak dibuang, sebaliknya dirawat dan dikitar semula dalam kilang untuk kegunaan dalam aktiviti pengilangan yang sama, rawatan bahan buangan tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti pengilangan dan aset yang digunakan dalam rawatan itu layak untuk EPS.

6.5.12 Pengilangan bahan buangan

Jika sebagai ganti melupuskan bahan buangan, syarikat menukar bahan buangan kepada produk berkaitan dengan cara pengilangan, aktiviti tersebut adalah projek pelbagaian bagi tujuan Jadual 7A ACP 1967.

#### **Contoh 22**

Syarikat V dalam Contoh 21 memulakan projek penggunaan tandan kosong buah kelapa sawit untuk dijadikan papan gentian/sabut berasas kelapa sawit.

Pembuatan papan gentian/sabut ini daripada bahan buangan kelapa sawit adalah layak sebagai projek pelbagaian.

6.5.13 Pelbagaian termasuk projek berintegrasi ke depan sekiranya ia memenuhi ciri-ciri seperti tercatat dalam perenggan 6.5.7 Ketetapan ini.

Integrasi ke depan merujuk kepada perubahan daripada pengeluaran bahan mentah sedia ada atau produk pertengahan kepada pengeluaran produk hiliran seperti produk pertengahan yang lain atau produk akhir.

#### **Contoh 23**

Syarikat U, mengeluarkan ejen perasa dan warna yang digunakan dalam makanan dan minuman. Syarikat juga bercadang mengeluarkan jus buah-buahan.

Syarikat layak menuntut EPS atas pelbagaian pengeluaran jus buah-buahan.

6.5.14 Pelbagaian tidak termasuk projek berintegrasi ke belakang.

Integrasi ke belakang melibatkan pengeluaran komponen atau bahan mentah yang digunakan dalam produk akhir sedia ada.

**Contoh 24**

Syarikat W, suatu syarikat pengilang pakaian juga terlibat dalam pengilangan fabrik.

Pengeluaran fabrik ini bukan merupakan projek yang layak kerana ia adalah projek integrasi ke belakang.

**7. Perbelanjaan Modal**

7.1 Perbelanjaan modal merujuk kepada perbelanjaan modal untuk kilang, loji atau jentera yang dilakukan bagi tujuan projek yang layak di bawah Jadual 7A ACP 1967.

7.2 Maksud kilang

**7.2.1 Sebelum tahun taksiran 2012**

Maksud **kilang** adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 ACP 1967.

**7.2.2 Mulai tahun taksiran 2012**

Maksud Kilang -

(a) bahagian keluasan lantai sesuatu bangunan atau tambahan kepada bangunan digunakan untuk projek yang layak bagi menempatkan atau memasang loji atau jentera atau untuk menyimpan bahan mentah, atau barangan atau bahan pengilangan sebelum dijual.

(b) bahagian keluasan lantai sesuatu bangunan atau tambahan kepada bangunan digunakan untuk projek yang layak bagi menyimpan bahan mentah, atau barangan atau bahan, atau kedua-duanya, ia mesti tidak lebih daripada satu per sepuluh daripada jumlah keluasan bangunan atau tambahan kepada bangunan tersebut.

7.2.3 Kilang tidak termasuk bangunan atau sebahagian dari bangunan yang digunakan untuk penyelidikan dan pembangunan.

7.2.4 Kilang tidak termasuk bangunan atau sebahagian dari bangunan yang digunakan untuk kebajikan staf seperti kantin, nurseri, tempat kediaman, sukan serta riadah.



- 7.2.5 Syarikat yang menyewa kilang boleh menuntut EPS atas perbelanjaan yang layak yang dibelanjakan untuk kos penambahan kilang jika penambahan itu dibuat bagi tujuan suatu projek yang layak.

**Contoh 25**

Syarikat Y menyewakan kilang kepada Syarikat A2 iaitu suatu syarikat pengilangan. Bagi tujuan menyimpan mesin-mesin baru untuk projek pembesaran, Syarikat A2 membelanjakan RM100,000 ke atas penyambungan kilang yang disewa itu.

Syarikat A2 layak untuk EPS atas RM100,000.

- 7.2.6 Syarikat yang berpindah dari kilang yang disewa kepada kilang hak milik sendiri atau membeli kilang yang dahulunya disewa, adalah tidak layak menuntut EPS atas kos pembelian kilang kerana ia tidak termasuk dalam definisi projek yang layak. Perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembelian kilang bukan perbelanjaan yang layak memandangkan ia dibelanjakan berhubung dengan penempatan semula aktiviti pengilangan ke suatu lokasi baru atau perubahan hak milik tuan punya kilang dan oleh itu adalah tidak berkaitan dengan projek yang layak.

**Contoh 26**

Syarikat Z menjalankan perniagaan pengilangan di kilang yang disewa di Klang bagi tempoh 3 tahun. Pada tahun ke-4, syarikat memutuskan untuk membeli kilang tersebut apabila pemilik kilang mengiklankannya untuk dijual.

Kos pemerolehan kilang tidak layak untuk EPS memandangkan Syarikat Z tidak menjalankan suatu projek yang layak.

**Contoh 27**

Fakta adalah sama seperti dalam contoh 26 kecuali Syarikat Z memutuskan untuk menempatkan semula pengilangan ke kilang berdekatan yang lebih besar. Syarikat tidak meningkatkan kapasiti pengeluaran, menambah baik loji atau jentera, atau mempelbagaikan produk-produk syarikat.

Kos kilang baru tidak layak untuk EPS memandangkan Syarikat Z tidak menjalankan suatu projek yang layak.

- 7.2.7 Syarikat yang menempatkan semula pengilangan kepada kilang lain (yang lebih besar atau lebih kecil atau bersaiz sama dengan saiz asal) dan melakukan perbelanjaan yang layak atas kilang baru bagi tujuan projek yang layak, syarikat tersebut layak untuk EPS atas kilang baru. Perbelanjaan modal yang layak untuk EPS adalah

mengikut nisbah keluasan lantai kilang baru yang diguna pakai bagi tujuan projek yang layak. Pengiraan perbelanjaan modal yang layak adalah seperti berikut :

$$\text{Nisbah bahagian kilang (keluasan lantai) yang digunakan untuk projek yang layak} \quad \times \quad \text{Kos kilang baru}$$

### Contoh 28

Syarikat AA menjalankan perniagaan pengilangan di kilang miliknya sendiri di Rawang semenjak tahun 2003. Ruang lantai digunakan untuk pengilangan ialah 20,000 meter persegi. Pada tahun 2007, syarikat memutuskan untuk menjalankan projek pembesaran yang memerlukan saiz kilang sekali ganda lebih besar. Syarikat AA membeli sebidang tanah di Shah Alam untuk membina kilang baru dengan keluasan lantai seluas 42,000 meter persegi untuk menjalankan pengilangan dengan kos RM4 juta.

Memandangkan Syarikat AA telah menjalankan suatu projek yang layak, ia layak diberi EPS atas kilang baru. Oleh kerana kos kilang lama tidak layak diberi EPS, syarikat tidak akan diberi EPS atas keseluruhan kos kilang baru tetapi hanya layak atas nisbah bahagian kilang baru yang digunakan untuk projek yang layak. Perbelanjaan yang layak untuk EPS adalah mengikut pengiraan berikut:

$$\frac{42,000 - 20,000}{42,000} \times 100\% = 52.38$$
$$52.38\% \times \text{RM4 juta} = \text{RM2,095,238}$$

### Contoh 29

Syarikat BB menjalankan perniagaan pengilangan di kilang berkeluasan 15,000 meter persegi yang disewa di Kuala Lumpur semenjak tahun 2004. Pada tahun 2007, syarikat bercadang untuk mempelbagaikan produk berkaitan tetapi mengurangkan pengeluaran bagi produk sedia ada. Bagi tujuan tersebut, syarikat membeli sebidang tanah di Petaling Jaya untuk membina kilang baru dengan keluasan yang sama dengan keluasan kilang sedia ada. Kos kilang baru berjumlah RM1.2 juta dan hanya RM1 juta daripada jumlah tersebut berkaitan lokasi di mana proses pengilangan dijalankan. Keluasan lantai yang digunakan untuk pengilangan adalah sama dengan kilang lama (sedia ada) tetapi sekarang hanya 40% daripada keluasan lantai digunakan untuk pengilangan produk sedia ada dan 60% untuk produk baru.

Memandangkan Syarikat BB telah menjalankan satu projek yang layak, ia layak diberi EPS atas kilang baru. Perbelanjaan yang layak untuk EPS adalah mengikut pengiraan berikut:

$$60\% \times \text{RM1 juta} = \text{RM600,000}$$

### Contoh 30

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 29, kecuali Syarikat BB tidak berpindah ke kilang baru sebaliknya membeli kilang yang disewa itu dengan kos RM1 juta. Hanya 10% dari bangunan kilang digunakan sebagai pejabat dan 90% sebagai kilang. Sebelum tahun taksiran 2012 definisi kilang adalah seperti dalam Jadual 3 ACP 1967. Oleh itu, pejabat adalah dianggap sebagai sebahagian dari kilang. Daripada jumlah keseluruhan keluasan lantai bangunan, 40% digunakan untuk pengilangan produk sedia ada dan 60% untuk produk baru.

Memandangkan Syarikat BB telah menjalankan satu projek yang layak, ia layak diberi EPS atas pembelian kilang baru tersebut. Perbelanjaan yang layak untuk EPS adalah mengikut pengiraan berikut:

$$60\% \times \text{RM1 juta} = \text{RM600,000}$$

## 7.3 Loji dan jentera

7.3.1 Loji termasuk apa-apa alat yang digunakan berhubung dengan aktiviti pengilangan atau pemprosesan (sebelum tahun taksiran 2009) yang dijalankan oleh syarikat.

7.3.2 Jentera termasuk suatu alat yang terdiri daripada bahagian sedia terpasang dan boleh alih yang sama-sama menjalankan fungsi-fungsi berhubung dengan aktiviti pengilangan atau pemprosesan (sebelum tahun taksiran 2009) syarikat.

## 7.4 Untuk tujuan EPS, perkataan **dilakukan** didefinisikan mengikut perenggan 46 dan 55, Jadual 3 ACP 1967.

7.4.1 Perenggan 46, Jadual 3 ACP 1967 merujuk kepada perbelanjaan modal bagi loji atau jentera yang diperolehi menerusi satu perjanjian sewa beli.

7.4.2 Seseorang yang memperoleh loji atau jentera menerusi satu perjanjian sewa beli akan diberi EPS atas jumlah bayaran balik modal. EPS akan diberi untuk setiap tahun taksiran sekiranya terdapat pembayaran balik sewa beli dengan syarat ia tidak melebihi tempoh kelayakan selama 15 tahun. Rujuk kepada Contoh 32.

- 7.4.3 Perenggan 55, Jadual 3 ACP 1967 merujuk kepada tarikh perbelanjaan modal dianggap dilakukan atas bangunan, loji atau jentera. Perbelanjaan modal dianggap dilakukan seperti berikut:
- (a) berhubung dengan suatu bangunan, pada tarikh bangunan itu siap dibina.
  - (b) berhubung dengan loji atau jentera, pada tarikh loji atau jentera itu berkeupayaan untuk digunakan dalam perniagaan atau
  - (c) bagi tujuan perniagaan yang akan jalankan, apabila perniagaan tersebut dimulakan.

### Contoh 31

Syarikat CC, sebuah syarikat pengilang minuman, menjalankan suatu projek pembesaran yang melibatkan pembinaan kilang baru dan pemasangan loji baru. Pembinaan kilang ini meliputi tiga tempoh asas bermula dari tempoh asas berakhir 30.6.2007.

Perbelanjaan yang layak adalah seperti berikut:

Tahun Berakhir	Atas Kilang (RM)	Atas Loji (RM)
30.6.2007	400,000	Tiada
30.6.2008	700,000	Tiada
30.6.2009	<u>900,000</u>	<u>500,000</u>
	<u>2,000,000</u>	<u>500,000</u>

Memandangkan projek yang layak telah disiapkan dalam tempoh asas berakhir 30.6.2009 dan Syarikat CC menggunakan kilang, loji dan jentera tersebut dalam tahun asas yang sama bagi tujuan projek yang layak, maka Syarikat S boleh menuntut EPS atas RM2,500,000 dalam tahun taksiran 2009.

### Contoh 32

Syarikat DD (akaun berakhir 31 Disember) telah menikmati Elaun Cukai Pelaburan (ECP) yang tamat pada Jun 2007. Syarikat bercadang menjalankan suatu projek pembesaran dalam tahun 2008 dan memperoleh mesin baru secara sewa beli melalui 36 ansuran pada Oktober 2007. Syarikat DD boleh menuntut EPS atas bahagian modal sewa beli tersebut seperti berikut dengan syarat, syarikat tidak menuntut insentif-insentif lain yang saling eksklusif untuk tiga tahun taksiran berkenaan.

---

Tahun Taksiran	Bilangan Ansuran Dibayar	Bilangan Ansuran Yang Layak
2007	3	-*
2008	12	12
2009	12	12
2010	9	9

\* Bagi tahun taksiran 2007, Syarikat DD tidak layak menuntut EPS atas amaun yang dibayar untuk 3 ansuran bayaran kerana menikmati ECP.

7.5 Perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas kenderaan komersial bukan merupakan perbelanjaan yang layak bagi tujuan Jadual 7A ACP 1967. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal tersebut layak untuk EPS jika kenderaan tersebut itu diletakkan di dalam kawasan kilang bagi tujuan suatu projek yang layak.

## 8. Tempoh Yang Layak

8.1 Suatu syarikat layak menuntut EPS selama 15 tahun taksiran berturut-turut.

8.2 Syarikat hendaklah membuat tuntutan terhadap EPS dan tempoh yang layak selama 15 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran syarikat mula membuat tuntutan.


8.3 Sebelum tahun taksiran 1998, EPS telah dibenarkan hanya bagi tahun taksiran dalam mana perbelanjaan yang layak telah dilakukan dan EPS diberi berasaskan tahun ke tahun (year-to-year basis).

Konsep tempoh yang layak telah diperkenalkan dan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1998. Tempoh yang layak bagi 5 tahun taksiran bermula dari tahun taksiran dalam mana perbelanjaan modal yang layak bagi tujuan projek yang layak itu pertama kali dilakukan.

Mulai tahun taksiran 2002 tempoh yang layak telah dilanjutkan dari 5 tahun taksiran kepada 15 tahun taksiran. Syarikat yang telah dibenarkan EPS sebelum tahun taksiran 1998, layak untuk EPS untuk tempoh kelayakan baru 15 tahun taksiran bermula dari tahun taksiran 1998.


Bermula dari tahun taksiran 2003, syarat menghendaki tuntutan EPS dibuat di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Tempoh 15 tahun yang layak adalah dikira dari tahun taksiran dalam mana EPS ke atas perbelanjaan modal yang layak (PYL) pertama kali dituntut.

**Senario 1 – PYL dilakukan pertama kali sebelum TT 1998**




Sekiranya syarikat pertama kali melakukan PYL sebelum TT 1998, tempoh kelayakan dikira mulai TT 1998 (ditukar kepada tempoh yang layak mulai TT 2002).

**Senario 2 – PYL dilakukan pertama kali pada TT 2002**



Sekiranya syarikat mula **melakukan** PYL pada TT 2002, tempoh 15 tahun yang layak dikira mulai TT 2002.

**Senario 3 - PYL dilakukan pertama kali pada T/T 2003 tetapi EPS dituntut dalam TT 2004**



Sekiranya syarikat mula melakukan PYL pada TT 2003, tetapi **tuntutan** hanya dibuat dalam TT 2004, tempoh 15 tahun yang layak dikira mulai TT 2004.

**Contoh 33**

Syarikat EE mengusahakan suatu projek yang layak dalam tahun 2007 dan melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM100,000 dalam tahun 2007 dan RM1.5 juta dalam tahun 2008. Syarikat memutuskan untuk tidak menuntut EPS bagi tahun taksiran 2007 tetapi menuntutnya mulai tahun taksiran 2008.

Oleh itu, perbelanjaan modal sejumlah RM100,000 tidak diambil kira dan tempoh yang layak selama 15 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran 2008 hingga 2022.

- 8.4 EPS diberi untuk suatu tahun taksiran. Jika tempoh yang layak selama 15 tahun taksiran berturut-turut telah bermula dan syarikat ingin menikmati suatu insentif yang saling eksklusif untuk mana-mana tempoh masa semasa tempoh layak, maka tempoh tersebut akan luput dan syarikat hanya akan menikmati EPS jika masih terdapat baki tempoh kelayakan tersebut.

**Contoh 34**

Syarikat FF menutup akaun pada 31 Disember, menjalankan suatu projek yang layak dan menuntut EPS atas perbelanjaan modal mulai tahun 2007. Tempoh yang layak selama 15 tahun taksiran berturut-turut bermula pada tahun taksiran 2007 dan berakhir pada tahun taksiran 2021. Syarikat FF telah diberikan taraf perintis untuk satu produk digalakkan bagi tempoh 1.7.2009 hingga 30.6.2014.

Memandangkan syarikat menikmati taraf perintis bagi tahun taksiran 2009 hingga 2014, syarikat hanya boleh menuntut EPS bagi tahun taksiran 2015 hingga 2021.

TT 2007	2009	2014	2015	2021
+===+===+-----+-----+-----+-----+-----+-----+=====+=====+=====+=====+=====+=====+				
EPS		Taraf Perintis		EPS

- 8.5 Bagi tujuan Jadual 7A ACP 1967 jika tempoh asas untuk dua tahun taksiran bertindih, tempoh yang sama bagi dua tempoh berkenaan akan dianggap terjatuh pada tempoh yang lebih awal.

**Contoh 35**

Syarikat GG, sebuah syarikat pembuat produk plastik mengusahakan suatu projek yang layak dalam tahun 2007. Syarikat melakukan perbelanjaan layak sejumlah RM300,000 pada 10.9.2007. Syarikat menukar tempoh perakaunan dari tahun berakhir 31 Disember ke tahun berakhir 30 Jun. Akibatnya, syarikat mempunyai tempoh asas bertindih bagi dua tahun taksiran iaitu tahun taksiran 2007 dan 2008.

Tempoh asas yang baru adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh Bertindih
2007	1.1.2007 - 31.12.2007}	1.7.2007 - 31.12.2007
2008	1.7.2007 - 30.6.2008}	

Terdapat enam bulan tempoh bertindih (1.7.2007 - 31.12.2007) untuk tahun-tahun taksiran 2007 dan 2008. Perbelanjaan yang layak berjumlah RM300,000 dianggap dilakukan dalam tahun taksiran 2007.

---

9 **Pelupusan Aset**

9.1 Sesuatu aset **dilupuskan** apabila ia dijual, dipindah hak, dipindah milik, diserahkan hak atau diberi milik dengan atau tanpa balasan.

9.2 Pelupusan Aset

9.2.1 Sebelum tahun taksiran 2009 - Pelupusan dalam tempoh 2 tahun

Apabila sesuatu aset dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh pemerolehan aset tersebut, EPS yang telah diberi akan ditarik balik, tanpa mengambil kira sama ada pelupusan tersebut adalah di antara pihak yang berkaitan atau yang tidak berkaitan. Bagi memudahkan pengiraan dalam sistem taksir sendiri, jumlah EPS tersebut akan ditarik balik dalam tahun aset dilupuskan.

**Contoh 36**

Syarikat HH menutup akaun pada 31 Disember membeli jentera dengan kos RM1 juta pada Januari 2007 untuk digunakan dalam suatu projek yang layak. Pada Mei 2008, Syarikat HH memindah milik jentera tersebut kepada Syarikat B2.

EPS yang telah diberi kepada Syarikat HH atas jentera tersebut akan ditarik balik dalam tahun taksiran 2008 kerana jentera tersebut telah dilupuskan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh pemerolehan.

9.2.2 Mulai tahun taksiran 2009 - Pelupusan dalam tempoh 5 tahun

Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009, pindaan kepada perenggan 2A, Jadual 7A ACP 1967 memperuntukkan EPS akan ditarik balik sekiranya aset dilupuskan dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan aset tersebut.

**Contoh 37**

Syarikat JJ telah menjalankan aktiviti pengilangan sejak tahun 2005 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat JJ membeli beberapa mesin baru untuk projek yang layak pada 1.2.2009 dan menuntut EPS ke atas mesin tersebut dalam tahun taksiran 2009. Pada 1.6.2012, Syarikat JJ melupuskan satu daripada mesin tersebut kepada syarikat berkaitan, Syarikat J2.

Memandangkan Syarikat JJ melupuskan mesin dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan mesin tersebut, EPS yang telah dituntut oleh syarikat dalam tahun taksiran 2009 akan ditarik balik.



9.2.3 Konsesi untuk aset diperoleh sebelum tahun taksiran 2009

Pindaan kepada perenggan 2A, Jadual 7A ACP 1967 seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini adalah tidak terpakai kepada aset yang diperoleh sebelum tahun taksiran 2009.

**Contoh 38**

Syarikat KK telah menjalankan perniagaan pengilangan sejak tahun 2004 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat membeli mesin berharga RM300,000 pada 1.1.2007 untuk projek pelbagaian. Syarikat KK menuntut EPS bagi tahun taksiran 2007. Pada 1.3.2009, Syarikat KK menjual mesin itu apabila syarikat memutuskan untuk mengurangkan pengeluaran produk baru dan mencuba pengeluaran produk berkaitan yang lain.

Walaupun mesin dilupuskan dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan, EPS yang dituntut bagi tahun taksiran 2007 tidak akan ditarik balik kerana mesin tersebut diperoleh sebelum tahun taksiran 2009 dan dilupuskan selepas 2 tahun.

**Contoh 39**

Pada 1.5.2009 Syarikat KK dalam Contoh 38 membeli mesin baru berharga RM280,000 untuk projek pelbagaian kedua. EPS dituntut bagi tahun taksiran 2009. Syarikat KK melupuskan mesin sebelum 30.4.2014.

EPS yang dituntut bagi tahun taksiran 2009 akan ditarik balik kerana mesin diperoleh dalam tahun taksiran 2009 dan dilupuskan dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan.

9.2.4 Penarikan balik EPS

Perenggan 2A, Jadual 7A ACP 1967 memperuntukkan EPS hendaklah ditarik balik dalam tahun taksiran di mana EPS dituntut. Walau bagaimanapun selaras dengan sistem taksir sendiri dan untuk tujuan praktikal, amaun EPS berkenaan boleh **ditarik balik dalam tahun taksiran aset itu dilupuskan.**

**Contoh 40**

Syarikat LL telah menjalankan perniagaan pengilangan sejak tahun 2007 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.1.2009 syarikat membeli sebuah mesin baru berharga RM200,000. EPS yang dituntut ke atas aset tersebut dalam tahun taksiran 2009 adalah RM120,000 (60% x 200,000). Pendapatan berkanun syarikat bagi tahun taksiran 2009 adalah RM1,000,000. Dalam tahun taksiran 2011 syarikat mengalami kerugian sejumlah RM60,000 dan menjual mesin itu dalam tahun taksiran tersebut.

Memandangkan mesin tersebut dijual dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan, EPS yang dituntut akan ditarik balik dalam tahun taksiran 2009. Pengiraan pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2009 dan 2011 adalah seperti berikut:

<b>Tahun Taksiran 2009 (Asal)</b>	(RM)
Pendapatan berkanun	1,000,000
Tolak: EPS	<u>120,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>880,000</u>

Apabila mesin dijual dalam tahun taksiran 2011, perenggan 2A, Jadual 7A ACP 1967 terpakai untuk menarik balik EPS yang telah dituntut.

<b>Tahun Taksiran 2009 (Dipinda)</b>	(RM)
Pendapatan berkanun	880,000
Tambah: EPS	<u>120,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>1,000,000</u>

<b>Tahun Taksiran 2011</b>	(RM)
Pendapatan berkanun/bercukai	Tiada (Rugi 60,000)

Secara alternatif, bagi tujuan praktikal, syarikat boleh memilih supaya EPS ditarik balik dalam tahun taksiran 2011 (tahun aset itu dilupuskan)

<b>Tahun Taksiran 2009 (Asal)</b>	(RM)
Pendapatan berkanun	1,000,000
Tolak: EPS	<u>120,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>880,000</u>

<b>Tahun Taksiran 2011</b>	(RM)
Pendapatan berkanun	Tiada (Rugi 60,000)
Tambah: EPS ditarik balik	<u>120,000</u>
Pendapatan berkanun/agregat	120,000
Tolak: Rugi tahun semasa	<u>60,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>60,000</u>

9.3 Bagi tujuan Jadual 7A ACP 1967, **pelupusan** tidak termasuk kemusnahan oleh kebakaran, banjir atau lain-lain bencana alam yang sedemikian. EPS yang telah dibenarkan untuk aset-aset berkenaan tidak akan ditarik balik.

9.4 Pemindahan terkawal

9.4.1 Sebelum 9.1.2009

Jika aset-aset diperoleh daripada syarikat berkaitan, peruntukan **pemindahan terkawal** di bawah perenggan 1B, Jadual 7A ACP 1967 akan terpakai. Peruntukan tersebut tidak akan mengangap amaun yang dibayar kepada syarikat berkaitan sebagai perbelanjaan modal dilakukan. Amaun perbelanjaan modal secara amnya ialah baki perbelanjaan aset yang dikira menurut peruntukan di bawah Jadual 3 ACP 1967.

#### Contoh 41

Syarikat MM memperoleh mesin terpakai sejumlah RM150,000 daripada sebuah syarikat berkaitan, iaitu Syarikat M2 pada 1.8.2006. Mesin tersebut digunakan oleh Syarikat MM untuk suatu projek yang layak. Syarikat MM menutup akaun pada 30 Jun dan Syarikat M2 pada 30 September. Oleh itu, tahun taksiran pertama Syarikat MM boleh menuntut EPS atas mesin tersebut ialah tahun taksiran 2007. Syarikat M2 dianggap telah melupuskan mesin itu pada 1.10.2006. Baki perbelanjaan mesin itu pada 1.10.2006 ialah RM120,000.

Oleh kerana peruntukan pemindahan terkawal terpakai dalam kes ini, maka harga jualan RM150,000 diabaikan. Perbelanjaan yang layak bagi Syarikat MM ialah perbelanjaan baki pada 1.10.2006, iaitu RM120,000. Elaun imbalan atau kenaan imbalan tidak berkaitan bagi Syarikat M2.

9.4.2 Mulai 9.1.2009

Pindaan kepada perenggan 1B, Jadual 7A ACP 1967 memperuntukkan sekiranya pelupus telah melakukan perbelanjaan modal atas aset bagi tujuan projek yang layak dan aset tersebut kemudian dilupuskan dan peruntukan pemindahan terkawal terpakai, pemeroleh tidak layak menuntut EPS ke atas aset tersebut.

9.4.3 Transaksi pemindahan terkawal berlaku di bawah keadaan berikut:

- (a) pelupus aset adalah orang yang berada di bawah kawalan pemeroleh aset
- (b) pemeroleh aset adalah orang yang berada di bawah kawalan pelupus aset
- (c) orang lain mempunyai kawalan secara langsung atau tidak langsung ke atas pelupus dan pemeroleh aset, atau

- (d) pemerolehan dilakukan akibat daripada suatu skim penyusunan semula atau penggabungan syarikat.

**Aset** bermaksud kilang, loji atau jentera, yang dinyatakan di perenggan 1, Jadual 7A ACP 1967, atau loji, jentera atau bangunan yang dinyatakan dalam definisi **perbelanjaan modal** di perenggan 9, Jadual yang sama.

**Kawalan** berhubung suatu syarikat bermaksud kuasa seseorang untuk menjamin, melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui artikel persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak orang itu.

- 9.4.4 Walau bagaimanapun, sekiranya pelupus memperoleh aset yang bukan untuk tujuan projek yang layak dan aset itu kemudiannya dilupuskan kepada syarikat berkaitan, pemeroleh layak menuntut EPS ke atas aset yang sama jika aset itu digunakan untuk projek yang layak. Perbelanjaan modal yang layak untuk EPS bagi pemeroleh berhubung dengan aset tersebut adalah nilai pasaran aset pada tarikh pemerolehan.

#### Contoh 42

Pada 1.7.2005, Syarikat NN membeli sebuah mesin berharga RM350,000 bukan untuk tujuan projek yang layak tetapi untuk menggantikan mesin lama. Pada 15.1.2009, Syarikat NN menjual mesin itu dengan harga RM250,000 kepada Syarikat N2, sebuah syarikat subsidiari. Nilai pasaran mesin pada tarikh pelupusan adalah juga RM250,000.

Oleh kerana mesin diperolehi oleh Syarikat NN bukan untuk projek yang layak, perenggan 1B, Jadual 7A ACP tidak terpakai. Syarikat N2 layak menuntut EPS ke atas mesin yang dibeli daripada Syarikat NN dengan syarat aset digunakan untuk projek yang layak. Perbelanjaan modal yang layak EPS untuk Syarikat N2 adalah RM250,000.

#### Contoh 43

Fakta yang sama seperti di Contoh 42 kecuali Syarikat NN mengenakan harga RM400,000 kepada Syarikat N2.

Oleh kerana Syarikat N2 membeli dengan harga lebih tinggi daripada harga pemerolehan Syarikat NN, Syarikat N2 hendaklah membuktikan bahawa RM400,000 adalah harga pasaran mesin tersebut.

- 9.4.5 Di mana syarikat memperoleh sesuatu aset untuk projek yang layak tetapi tidak menuntut EPS ke atas perbelanjaan modal yang layak sebab syarikat memilih menuntut insentif saling eksklusif dan kemudiannya melupuskan aset tersebut melalui transaksi jualan terkawal, pemeroleh tidak layak menuntut EPS ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi aset tersebut.

Walau bagaimanapun, konsesi diberi supaya pemeroleh boleh menuntut EPS ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi aset tersebut. Perbelanjaan modal yang layak untuk pemeroleh adalah perbelanjaan baki aset seperti ditentukan di bawah Jadual 3, ACP 1967.

#### Contoh 44

Syarikat YY menjual mesin kepada syarikat Y2, syarikat berkaitan dengan harga RM150,000 pada 1.7.2011. Kedua-dua syarikat menutup akaun pada 31 Disember. Walaupun Syarikat YY layak menuntut EPS ke atas mesin itu pada masa pembelian iaitu pada 2.6.2009 dengan harga RM200.000 kerana mesin diperoleh untuk projek yang layak, syarikat tidak berbuat demikian kerana syarikat telah diberi insentif saling eksklusif dengan EPS.

Dalam kes ini, perenggan 1B, Jadual 7A ACP 1967 terpakai. Oleh itu, pemeroleh, Syarikat Y2 tidak layak menuntut EPS ke atas mesin yang dibeli daripada Syarikat YY. Walau bagaimanapun, sebagai konsesi, Syarikat Y2 dibenarkan menuntut EPS ke atas mesin itu. Perbelanjaan modal yang layak untuk Syarikat Y2 adalah perbelanjaan baki aset seperti ditentukan di bawah Jadual 3, ACP 1967.

Syarikat YY	(RM)
Kos mesin	200,000

#### Tahun Taksiran 2009

Elaun <i>notional</i> (14%)	<u>28,000</u>
Perbelanjaan baki	172,000

#### Tahun Taksiran 2010

Elaun <i>notional</i> (14%)	<u>28,000</u>
Perbelanjaan baki	<u>144,000</u>

Perbelanjaan modal yang layak bagi Syarikat Y2 adalah perbelanjaan baki iaitu RM144,000

---

**Contoh 45**

Fakta yang sama seperti di Contoh 40 kecuali Syarikat LL menjual mesin kepada Syarikat L2, syarikat berkaitan dengan harga RM50,000.

Syarikat L2 tidak layak EPS ke atas mesin yang dibeli daripada Syarikat LL walaupun EPS yang telah diberi kepada Syarikat LL telah ditarik balik.

- 9.5 Bagi aset yang diperolehi daripada syarikat berkaitan yang terletak di luar negeri, perbelanjaan yang layak untuk aset ialah harga pasaran aset pada masa pemindahan.

**10. Ketidakkpakaian**

- 10.1 Jadual 7A ACP 1967 tidak akan terpakai kepada suatu syarikat bagi tempoh di mana syarikat tersebut telah diberi atau menikmati insentif-insentif yang saling eksklusif seperti tersenarai dalam Lampiran A.
- 10.2 Sebelum tahun taksiran 2011, suatu syarikat bertaraf perintis layak menuntut EPS berkuat kuasa daripada tarikh pembatalan jika syarikat itu menyerahkan sijil perintis untuk dibatalkan sebelum tamat tempoh perintis.
- 10.3 Syarikat yang telah diberi taraf perintis bagi keluaran atau aktiviti yang digalakkan dalam satu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran tidak layak menuntut EPS bagi keluaran lain dalam satu tempoh asas bagi tahun taksiran yang sama.

**Contoh 46**

Syarikat P2 yang menutup akaun pada 31 Disember telah diberi sijil perintis untuk produk A dan tempoh perintis tamat pada 31.5.2011. Syarikat PP menyerahkan sijil perintis untuk dibatalkan pada 30.6.2011 dan tarikh pembatalan adalah pada 1.1.2011.

Syarikat P2 juga telah diberi sijil perintis untuk produk B dan tempoh perintis bermula pada 1.3.2011. Syarikat membeli beberapa mesin baru untuk projek yang layak pada 1.7.2011 dan menuntut EPS ke atas mesin itu dalam tahun taksiran 2011.

Oleh kerana Syarikat P2 telah dibatalkan sijil perintis bagi produk A, Syarikat P2 tidak layak menuntut EPS untuk tahun taksiran 2011 kerana sedang menikmati taraf perintis bagi produk B mulai tahun taksiran 2011.

- 10.4 Perubahan daripada tempoh kepada tempoh asas

Dengan perubahan daripada **tempoh** kepada **tempoh asas** dalam perenggan 7(a) hingga 7(e), Jadual 7A ACP 1967 yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011, suatu syarikat yang telah diberi suatu insentif berikut

---

hanya layak menuntut EPS dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran selepas berakhir tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut:

- (a) Taraf perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP 1986)
  - (i) suatu syarikat yang diberi taraf perintis di bawah APP 1986 dan sedang memohon atau berhasrat untuk memohon sijil perintis; atau
  - (ii) suatu syarikat yang diberi taraf sijil perintis di bawah APP 1986 dan tempoh perintis belum tamat
- (b) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) di bawah APP 1986
  - (i) suatu syarikat yang diluluskan ECP dan tempoh ECP belum lagi tamat; atau
  - (ii) suatu syarikat yang diluluskan ECP dan belum lagi menyerahkan kelayakan ECP
- (c) Insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 (AGP 1968)
  - (i) kelulusan galakan taraf perintis, galakan penggunaan buruh atau penempatan dan kredit cukai pelaburan (KCP) di bawah AGP 1968 dan tempoh pelepasan cukai belum tamat; atau
  - (ii) kelulusan KCP di bawah AGP 1968 dan telah melakukan perbelanjaan modal yang layak untuk KCP

walaupun AGP 1968 telah dimansuhkan.
- (d) Pelarasan perindustrian di bawah seksyen APP 1986 berhubung dengan aktiviti pengilangan atau keluaran pengilangan.

#### 10.5 Pemakaian secara retrospektif perenggan 7(b), (d) dan (e)

10.5.1 Selain daripada perenggan 7(a), perubahan **tempoh** kepada **tempoh asas** seperti dinyatakan dalam perenggan 10.4 telah dibuat dalam Bajet 2012 dan tarikh kuat kuasa dikebelakangkan ke tahun taksiran 2011 untuk diselaraskan dengan perenggan 7(a).

10.5.2 Jika sesuatu syarikat terjejas akibat daripada pelaksanaan undang-undang secara retrospektif tersebut, syarikat perlu membuat pindaan kepada pengiraan cukai dengan menarik balik EPS yang telah dituntut. Jika penalti dikenakan, rayuan untuk mengecualikan penalti boleh dikemukakan untuk dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

#### Contoh 47

Syarikat PP yang menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun telah diberi sijil perintis produk A dan tempoh perintis tamat pada 31.5.2011. Syarikat PP membeli beberapa mesin baru untuk projek yang layak bagi pengilangan produk A pada 1.7.2011 dan menuntut EPS ke atas mesin itu dalam tahun taksiran 2011.

Syarikat PP tidak layak untuk EPS bagi tahun taksiran 2011 disebabkan Syarikat PP menuntut EPS dalam tahun taksiran yang sama di mana tempoh perintis tamat.

#### Contoh 48

Fakta yang sama seperti di Contoh 47 kecuali tempoh perintis tamat pada 31.5.2012 dan Syarikat PP menyerahkan sijil perintis untuk dibatalkan pada 30.6.2011 dan tarikh pembatalan pada 30.6.2011

Syarikat PP tidak layak untuk EPS bagi tahun taksiran 2011 disebabkan Syarikat PP menuntut EPS dalam tahun taksiran yang sama di mana sijil perintis dibatalkan (tempoh perintis tamat).

#### Contoh 49


Fakta yang sama seperti di Contoh 47 kecuali tempoh perintis tamat pada 31.5.2012 dan Syarikat PP menyerahkan sijil perintis untuk dibatalkan pada 30.6.2011 dan tarikh pembatalan pada 1.1.2011

Memandangkan penyerahan sijil perintis berkuat kuasa pada 1.1.2011, Syarikat PP tidak lagi layak menikmati taraf perintis dalam tahun taksiran 2011. Oleh itu Syarikat PP layak menuntut EPS untuk tahun taksiran 2011.

#### Contoh 50

Syarikat QQ yang menutup akaun pada 31 Disember telah diberi kelulusan ECP dan tempoh ECP tamat pada 31.7.2012. Syarikat QQ membeli beberapa mesin baru untuk projek yang layak pada 1.9.2012. Syarikat menuntut EPS ke atas mesin tersebut dalam tahun taksiran 2012.

Syarikat tidak layak untuk EPS bagi tempoh 1.9.2012 hingga 31.12.2012 iaitu dalam tahun taksiran 2012 kerana dalam tahun taksiran yang sama syarikat sedang menikmati ECP.






**Contoh 51**

Syarikat Q2 yang menutup akaun pada 31 Disember telah diberi kelulusan ECP dan tempoh ECP tamat pada 31.7.2011. Syarikat Q2 membeli beberapa mesin baru untuk projek yang layak pada 1.9.2011. Syarikat menuntut EPS ke atas mesin tersebut dalam tahun taksiran 2011.

Syarikat tidak layak menuntut EPS untuk tempoh 1.9.2011 hingga 31.12.2011 iaitu dalam tahun taksiran 2011 kerana dalam tahun taksiran yang sama syarikat sedang menikmati ECP.



Berdasarkan kepada penerangan di perenggan 10.5.2 dalam Ketetapan ini, syarikat hendaklah membuat pelarasan pengiraan pendapatan dengan menarik balik tuntutan EPS bagi tahun taksiran 2011. Walau bagaimanapun, pengiraan pelarasan pendapatan tersebut adalah tidak tertakluk kepada penalti.

- 10.6 Sebagai konsesi, syarikat yang menuntut EPS dalam sesuatu tahun taksiran dibenarkan menuntut elaun bawa hadapan yang tidak dapat diserap yang terbit daripada insentif lain yang saling eksklusif. Begitu juga, syarikat yang mempunyai baki EPS bawa hadapan dari tahun taksiran sebelumnya boleh menuntut lain-lain insentif yang saling eksklusif.

Walaupun bagaimanapun, syarikat hendaklah menolak elaun yang dituntut bagi tahun semasa dahulu sebelum menolak EPS yang dibawa hadapan.

**Contoh 52**

Bagi tahun taksiran 2007, Syarikat RR mempunyai EPS bawa hadapan berjumlah RM270,000. Bagi tahun taksiran 2007, syarikat menuntut elaun berjumlah RM70,000 sebagai Elaun untuk Peningkatan Eksport (EPE) [tolakan terhadap 70% pendapatan berkanun (PB)]

	(RM)
Pendapatan berkanun daripada perniagaan	300,000
Tolak: EPE (Yang dituntut)	<u>70,000</u>
	230,000
Tolak: EPS b/h (270,000)	
Terhad kepada	
(70% X 300,000 = 210,000) - 70,000 EPE	<u>140,000</u> (130,000 h/h)
Pendapatan bercukai	<u>90,000</u>

**Contoh 53**

Syarikat SS mempunyai EPE bawa hadapan berjumlah RM70,000. Dalam tahun 2007, syarikat melakukan perbelanjaan modal sebanyak RM450,000 bagi tujuan suatu projek yang layak.

	(RM)
Pendapatan berkanun daripada perniagaan	300,000
Tolak: EPS (60% X 450,000 = 270,000)	
EPS terhad kepada (70% X 300,000)	<u>210,000</u> <sup>1</sup> (60,000 h/h)
	90,000
Tolak: EPE b/h (70,000)	
[(70% X 300,000 = 210,000) - 210,000 EPS]	<u>Tiada</u> <sup>2</sup> (70,000 h/h)
Pendapatan bercukai	<u>90,000</u>

<sup>1</sup>Sekatan kepada 70% pendapatan berkanun adalah selaras dengan Kaedah-Kaedah dan Perintah-Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan yang berkaitan dengan EPE)

<sup>2</sup>Tiada EPE bawa hadapan ditolak dalam tahun taksiran 2007 kerana jumlah pendapatan berkanun yang boleh diberi tolakan untuk EPE bawa hadapan (70% X 300,000 = 210,000<sup>1</sup>) telah diserap sepenuhnya oleh EPS. EPE dibawa hadapan yang tidak dapat diserap akan dihantar hadapan ke tahun taksiran berikutnya.

**Contoh 54**

Syarikat TT mempunyai baki EPE bawa hadapan yang tidak dapat diserap berjumlah RM120,000. Dalam tahun 2007, syarikat melakukan perbelanjaan modal sebanyak RM500,000 bagi tujuan suatu projek yang layak dan telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri. Syarikat TT layak untuk EPS sehingga 100% pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2007.

	(RM)
Pendapatan berkanun daripada perniagaan	350,000
Tolak: EPS (60% X 500,000 = 300,000)	
EPS terhad kepada (100% X 350,000)	<u>300,000</u>
	50,000
Tolak: EPE b/h (120,000)	
[(70% X 350,000 = 245,000) - 300,000 EPS]	<u>Tiada</u> <sup>3</sup> (120,000 h/h)
Pendapatan bercukai	<u>50,000</u>

<sup>3</sup>Tiada EPE bawa hadapan ditolak dalam tahun taksiran 2007 kerana jumlah pendapatan berkanun yang boleh diberi tolakan untuk EPE bawa hadapan (70% X 350,000 = 245,000) telah diserap sepenuhnya oleh EPS. EPE dibawa

hadapan yang tidak diserap akan dihantar hadapan ke tahun taksiran berikutnya.

### Contoh 55

Syarikat T2 telah diberi ECP untuk produk A untuk tempoh 5 tahun yang berakhir pada 31.12.2011. Syarikat T2 mempunyai baki ECP bawa hadapan yang tidak dapat diserap sejumlah RM120,000. Dalam tahun 2012, syarikat melakukan perbelanjaan modal sebanyak RM500,000 bagi suatu projek yang layak untuk EPS dan syarikat telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri. Syarikat T2 layak untuk EPS sehingga 100% pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2012.

Tahun Taksiran 2012	(RM)
Pendapatan berkanun perniagaan (Produk A)	350,000
Tolak: EPS (60% X 500,000 = 300,000)	
EPS terhad kepada (100% X 350,000)	<u>300,000</u>
	50,000
Tolak: ECP b/h (120,000)	<u>50,000</u> (70,000 h/h)
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

Syarikat memutuskan untuk berhenti mengeluarkan produk A dalam tahun taksiran 2013. Dalam tahun taksiran yang sama syarikat telah melakukan perbelanjaan yang layak sejumlah RM600,000 untuk projek yang layak untuk produk B.

	(RM)
Pendapatan berkanun perniagaan (Produk B)	550,000
Tolak: EPS (60% X 600,000 = 360,000)	
EPS terhad kepada (70% X 550,000)	<u>360,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>190,000</u>

ECP sejumlah RM70,000 yang dihantar hadapan ke tahun taksiran 2013 berkaitan produk A tidak dapat diserap oleh pendapatan berkanun perniagaan untuk produk B dan akan diabaikan disebabkan syarikat telah berhenti mengeluarkan produk A.

### Contoh 56

Fakta yang sama seperti contoh 55 kecuali Syarikat T2 meneruskan pengeluaran produk A pada tahun taksiran 2013. Syarikat telah melakukan perbelanjaan yang layak sejumlah RM400,000 untuk projek yang layak untuk produk A.

<b>Tahun Taksiran 2013</b>	<u>RM</u>
Pendapatan berkanun perniagaan (Produk A)	290,000
Tolak: EPS (60% x RM400,000 = 240,000)	
EPS terhad kepada (100% X 290,000)	<u>240,000</u>
	50,000
Tolak: ECP (b/h 70,000)	<u>50,000</u> (20,000 h/h)
	<u>Tiada</u>
Pendapatan berkanun perniagaan (Produk B)	550,000
Tolak: EPS (60% X 600,000 = 360,000)	
EPS terhad kepada (70% X 550,000)	<u>360,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>190,000</u>

ECP yang tidak dapat diserap berjumlah RM20,000 berhubung dengan produk A tidak boleh dibenarkan tolakan daripada pendapatan berkanun perniagaan produk B. Syarikat hendaklah menyimpan akaun yang berasingan bagi setiap produk.

### **Contoh 57**

Syarikat T3 yang menutup akaun pada 31 Disember telah diberi taraf perintis untuk produk A untuk tempoh 5 tahun dan tempoh perintis tamat pada 30.3.2010. Syarikat T3 mengalami kerugian sebanyak RM150,000 dalam tempoh perintis. Dalam tahun 2010 syarikat melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM500,000 bagi suatu projek yang layak untuk EPS dan telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri. Syarikat T3 layak untuk menuntut EPS sehingga 100% pendapatan berkanun bagi tahun taksiran 2010.

<b>Tahun Taksiran 2010</b>	<b>(RM)</b>
Pendapatan berkanun perniagaan (Produk A)	430,000
Tolak: EPS (60% X 500,000 = 300,000)	
EPS terhad kepada (100% X 430,000)	<u>300,000</u>
	130,000
Tolak: Rugi tempoh perintis (RM150,000) terhad kepada	<u>130,000</u> (20,000 h/h)
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

10.7 Ketidapkakaan dengan insentif lain

Selain daripada insentif yang dinyatakan dalam perenggan 10.4(a) hingga (d) di atas, insentif berikut adalah saling eksklusif dengan EPS:

(a) Relif kumpulan

Suatu syarikat yang menikmati relif kumpulan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di bawah seksyen 44A ACP 1967 tidak layak untuk EPS bagi tempoh yang sama.

(b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan

Mana-mana Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP 1967

(c) Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan

Mana-mana Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan yang dibuat di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP1967.

Sebagai contoh seseorang yang memperoleh perakuan indeksbangunanhijau (GBI) pertama yang dikeluarkan pada atau selepas 24.10.2009 dan tidak lewat dari 31.12.2014 oleh Lembaga Arkitek Malaysia dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan berhubung dengan pendapatan berkanun daripada perniagaannya. Pendapatan berkanun yang dikecualikan adalah bersamaan dengan perbelanjaan yang layak yang dilakukan untuk memperoleh perakuan GBI. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak layak dinikmati jika orang yang telah melakukan perbelanjaan yang layak ke atas bangunan, loji atau jentera telah menuntut EPS berhubung perbelanjaan tersebut. Insentif ini diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2011- [P.U.(A) 325].

**Contoh 58**

Syarikat UU memulakan perniagaan mengilang perabot kayu pada 1.1.2007 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat UU membeli jentera berharga RM350,000 dan kilang baru berharga RM800,000 untuk projek pembesaran pada tahun 2011. Syarikat UU juga melakukan perbelanjaan sebanyak RM200,000 untuk mengubahsuai kilang itu bagi tujuan mendapatkan perakuan indeksbangunanhijau yang dikeluarkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia. Syarikat UU menuntut EPS ke atas jentera dan kilang tersebut dalam tahun taksiran 2011.

Walaupun Syarikat UU layak mendapat pengecualian dalam tahun taksiran 2011 kerana telah melakukan perbelanjaan yang layak di bawah Perintah Cukai Pendapatan berkenaan, Syarikat UU tidak dapat menikmati pengecualian itu sebab ia telah menuntut EPS berhubung perbelanjaan itu dalam tahun taksiran tersebut.

---

## 11. EPS Untuk Projek Pertanian

- 11.1 EPS boleh dibenarkan kepada mana-mana syarikat yang mengusahakan suatu projek pertanian bagi memperluaskan atau memodenkan atau mempelbagaikan perniagaan penanaman dan perladangan tetapi tidak termasuk perniagaan menternak ayam dan itik .
- 11.2 Merujuk kepada perenggan 1A dan 1C, Jadual 7A, ACP 1967 **perbelanjaan modal** yang dilakukan berhubung dengan projek pertanian bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan berkaitan dengan:
- (a) pembersihan dan penyediaan tanah
  - (b) menanam tanaman
  - (c) peruntukan sistem pengairan atau pengaliran
  - (d) peruntukan loji dan jentera
  - (e) pembinaan jalan-jalan akses termasuk jambatan-jambatan
  - (f) pembinaan atau pembelian bangunan-bangunan (termasuk bangunan-bangunan yang diperuntukkan untuk kebajikan individu atau sebagai tempat tinggal individu) dan pembaikan struktur atas tanah atau lain-lain struktur, atau
  - (g) pembinaan reban ayam atau itik (berhubung dengan perubahan daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup),  
bagi maksud mana-mana daripada aktiviti-aktiviti berikut:
    - (i) penanaman padi dan jagung
    - (ii) penanaman sayur-sayuran, umbi dan akar-akar
    - (iii) penanaman buah-buahan
    - (iv) penternakan ternakan
    - (v) penternakan, pembiakan atau pemeliharaan hasil-hasil akuatik
    - (vi) mana-mana aktiviti yang lain yang diluluskan oleh Menteri, dan
    - (vii) menternak ayam dan itik (berhubung dengan perubahan daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup).
- 11.3 Aktiviti-aktiviti tersenarai di bawah perenggan 11.2(i) hingga (vii) adalah untuk menggalakkan pengeluaran makanan. Oleh itu, penternakan, pembiakan atau pemeliharaan ikan hiasan dan penanaman bunga tidak termasuk dan dengan itu tidak layak untuk EPS. Penanaman kelapa sawit juga tidak termasuk sebagai aktiviti penanaman buah-buahan, dengan itu tidak layak untuk EPS.
- 11.4 EPS untuk perniagaan menternak ayam dan itik EPS diberi kepada seseorang yang menjalankan perniagaan menternak ayam dan itik berhubung dengan pelaburan semula yang dilakukan dalam mengubah

bentuk sistem menternak ayam dan itik daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup. Projek transformasi hendaklah diluluskan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

- 11.5 Contoh-contoh bentuk perubahan yang layak untuk EPS adalah seperti berikut:

<b>Jenis</b>	<b>Bilangan Reban Sedia Ada</b>	<b>Perubahan Dilakukan</b>	<b>Perbelanjaan Reban Yang Layak</b>
1	4 reban terbuka	4 reban tertutup	Semua layak
2	2 reban terbuka dan 2 reban tertutup	4 reban tertutup	2 reban terbuka diubah kepada reban tertutup
3	4 reban tertutup	4 reban tertutup	Tiada
4	2 reban terbuka dan 2 reban tertutup	4 reban tertutup dan tambah 2 reban tertutup baru dibuat (jumlah 6 reban tertutup)	2 reban terbuka diubah kepada reban tertutup (2 reban tertutup baru tidak layak EPS)

- 11.6 EPS diberi bagi tempoh 15 tahun taksiran berturut-turut mulai daripada tahun taksiran bagi tempoh asas di mana EPS mula dituntut. Perbelanjaan layak adalah perbelanjaan modal yang dilakukan dalam mengubah bentuk sistem menternak ayam daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup.
- 11.7 Merujuk kepada perenggan 6.1.4(b) Ketetapan ini, syarat beroperasi selama 12 bulan dilonggarkan dalam keadaan jika suatu perkongsian atau suatu syarikat merupakan kesinambungan kepada satu perniagaan tunggal atau perkongsian dan pemilik tunggal atau ahli kongsi terus kekal di dalam perniagaan syarikat atau perkongsian itu. Tempoh sebelum perubahan boleh dianggap sebagai beroperasi bagi tujuan memenuhi syarat beroperasi ialah selama 12 bulan.
- 11.8 Mulai tahun taksiran 2009, projek yang layak di bawah perenggan 8(d), Jadual 7A ACP 1967 diperluaskan untuk memasukkan pembesaran perniagaan sedia ada menternak ayam dan itik secara sistem reban tertutup. Dengan pindaan ini, EPS boleh diberi kepada seseorang yang menjalankan perniagaan menternak ayam dan itik berhubung dengan pelaburan semula yang dilakukan:
- (a) dalam mengubah perniagaan menternak ayam dan itik dari sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup, atau

- (b) dalam membesarkan perniagaan sedia ada menternak ayam dan itik dalam sistem reban tertutup.

Kedua-dua projek pengubahan dan pembesaran perlu diluluskan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Walau bagaimanapun kedua-dua projek ini merupakan projek yang layak hanya untuk tahun taksiran 2010.

Beberapa contoh pengubahan dan pembesaran yang layak adalah seperti berikut:

<b>Senario</b>	<b>Sebelum Ini</b>	<b>Sekarang</b>	<b>Kelayakan</b>
1	4 terbuka	4 tertutup	4 layak
2	2 terbuka dan 2 tertutup	4 tertutup	2 layak
3	4 tertutup	8 tertutup (4 tertutup sedia ada dan 4 tertutup baru)	4 layak
4	2 terbuka dan 2 tertutup	4 tertutup dan 2 baru tertutup (jumlah 6 tertutup)	4 layak

Penerangan bagi jadual di atas adalah seperti berikut:

<b>Senario</b>	<b>Sebab</b>
1	- 4 sistem reban tertutup layak kerana 4 sistem tersebut berubah daripada sistem reban terbuka.
2	- 2 sistem reban tertutup layak kerana berubah daripada sistem reban terbuka. 2 sistem lagi tidak layak kerana tiada pengubahan atau pembesaran.
3	- 4 sistem reban tertutup baru layak di bawah projek pembesaran (dibesarkan daripada 4 kepada 8).
4	- 2 sistem reban tertutup layak kerana 2 sistem tersebut berubah dari sistem reban terbuka. 2 sistem reban tertutup baru layak di bawah projek pembesaran.



11.9 Penempatan semula tapak

Berikutan dengan pindaan perenggan 8(d) Jadual 7A ACP 1967, konsesi diberi supaya seseorang yang menempatkan semula aktiviti ternakan ayam dan itik secara sistem reban terbuka ke lokasi lain dan membina sistem reban tertutup layak menuntut EPS di bawah perenggan 8(d)(i) Jadual 7A ACP 1967.

**Contoh 59**

Encik VV yang telah menjalankan perniagaan menternak ayam dan itik dari 10.3.2006 menggunakan 5 buah sistem reban terbuka. Selepas 3 tahun menjalankan perniagaan, Encik VV diarahkan oleh pihak berkuasa tempatan untuk memindahkan ladangnya disebabkan projek ini telah mencemarkan sungai berdekatan. Encik VV merobohkan kesemua 5 sistem reban terbuka sedia ada dan membina 5 sistem reban tertutup di tapak baru.

Encik VV layak menuntut EPS atas kos pembinaan 5 sistem reban tertutup walaupun 5 sistem reban tertutup itu dibina di lokasi yang baru.

12. **Prosedur Tuntutan**

- 12.1 Tuntutan hanya boleh dibuat dalam BNCP. Bagi syarikat yang menuntut EPS berhubung dengan projek pertanian yang tersenarai dalam perenggan 6.1.4(a) dan 6.1.4(b) Ketetapan ini, satu salinan surat kelulusan daripada Kementerian Pertanian dan Asas Tani hendaklah disimpan untuk tujuan audit.
- 12.2 Borang tuntutan LHDN/BT/RA/2007 asal hendaklah disimpan oleh syarikat yang menuntut bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dengan tuntutan tersebut.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

Senarai Insentif Yang Saling Eksklusif Dengan Elaun Pelaburan Semula

1. Taraf Perintis
2. Elaun Cukai Pelaburan
3. Relif Kumpulan untuk syarikat di bawah peruntukan seksyen 44A, ACP 1967.
4. Potongan di bawah mana-mana Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154, ACP 1967 di mana Kaedah-Kaedah tersebut memperuntukkan EPS tidak terpakai kepada syarikat / orang.
5. Pengecualian cukai pendapatan yang dibuat melalui perintah pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A), ACP 1967 di mana perintah tersebut memperuntukkan EPS tidak terpakai kepada syarikat / orang.

**Lampiran B**

**Computation Of Process Efficiency (PE) \***

$$\text{PROCESS EFFICIENCY (PE)} = \frac{\text{TOTAL OUTPUT} - \text{BIMS}}{\text{TOTAL INPUT} - \text{BIMS}}$$

Note: BIMS is Bought-In Materials and Services

<b>A</b>	<b>Total Output</b>	<b>Notes</b>
1.	Net sales	Net sales = Gross sales less discounts, returns and rebates
2.	Closing stock of finished goods less opening stock of finished goods	
3.	Closing work-in-process less opening work-in-process	
4.	Own construction	Own construction is the total cost paid for any internal activity or project carried out by own resources for improvement or enhancement objective. Example: Upgrading tools for moulding activity
5.	Income from sale of goods purchased in the same condition	Example: Company XYZ is a tyre manufacturer. At the same time it acts as an agent for other tyre manufacturers and sell the tyres in the same condition to its clients
6.	Income from services rendered	The type of services rendered should be related to the main activity of the company as listed in the company's Memorandum of Association.

(\* Pengiraan nisbah KP ini dikekalkan dalam Bahasa Inggeris)

<b>B</b>	<b>BIMS (Bought-In Materials and Services)</b>	<b>Notes</b>
1.	Materials consumed	
	Supplies, consumables, printing and lubricants	<p>Supplies : All related supplies such as stationary, packaging materials, accessories, tools, parts for repairs and maintenance etc.</p> <p>Consumables: All related items consumed in a production process</p>
3.	Cost of goods sold in same condition	
4.	Utilities	Examples : water, electricity & fuel
5.	Payment to contractors	<p>Example:</p> <p>Payment for subcontracting works</p>
6.	Payment for industrial work done by others and stores & supplies	<p>Example:</p> <p>Payment for maintenance of parts &amp; machinery and for storage of materials or purchased goods.</p>
7.	Payments for non-industrial services	<p>Example:</p> <p>Acquisition of trademark or patent, payment for royalties, advertising fees, audit fees, legal fees, professional charges, postage, consultancy fees etc.</p>

<b>C</b>	<b>Total Input</b>	<b>Notes</b>
1.	Materials consumed	
2.	Supplies, consumable, printing and lubricants	Supplies: all related supplies such as lubricants stationery, packaging materials, accessories, tools, parts for repairs and maintenance etc. Consumable: all related items
3.	Cost of goods sold in same condition	
4.	Utilities	Example: water, electricity and fuel
5.	Payment to contractors	Example: payment for subcontracting works
6.	Payment for industrial work done by others and stores & supplies	Example: payments for maintenance of parts and machinery and payments for storage of materials or purchased goods
7.	Payment for non-industrial services	Example : acquisition of trademark or patent, payment for royalty, advertising fees, audit fees, legal fees, professional fees, postage, consultancy fees etc.
8.	Salaries and wages (paid employees), including payment / fees to working / non-working directors	
9.	Payment-in-kind to paid employees, EPF, Socso, free wearing apparel etc.	
10.	Total depreciation	
11.	Bank charges	Example: Interest or charge paid to financial institutions
12.	Other payments (grants / donation & other expenditures) but excluding direct taxes	Example of grant: Scholarship grant given to staff and their immediate family members. Donation subject to those from approved list issued by Inland Revenue Board Malaysia

- 
1. (a) Other operating income should be included as part of Total Output Example: Sales of scraps and by-products.
  - (b) Non-operating income should not be included as part of Total Output. Examples of non-operating income are as listed below:
    - (i) Interest received
    - (ii) Rent received
    - (iii) Gain on investments
    - (iv). Gain on sale of properties
    - (v) Gain on sale or evaluation of securities, stock and bonds
    - (vi). Gain on foreign exchange transactions
    - (vii) Other income on transactions non-operating in nature
  2. Non-operating expenses should not be included as part of Total Input. Examples of non-operating expenses are as listed below:
    - (i) Bad debts
    - (ii) Loss on sale of properties
    - (iii) Loss on sale or evaluation of securities, stock and bonds
    - (iv) Loss on investments
    - (v) Stock written-off
    - (vi) Other losses on transactions non-operating in nature.

---

Lampiran C

**Senarai Aktiviti Yang Dikecualikan Daripada Takrif Pengilangan Di Bawah  
Perenggan 9(ii) Jadual 7A ACP 1967**

1. Pembuatan ais;
2. Pemetongan, pengisihan, pembersihan, pengeringan, pengisaran, pengadunan, penggredan atau pembungkusan herba atau rempah atau mana-mana kombinasinya;
3. Pengeluaran batu baur, konkrit berasfalt, simen pra campur, konkrit siap campur atau bitumen atau mana-mana kombinasinya;
4. Melipat dan membentuk kotak kertas, kadbod, beg plastik, sampul surat atau apa-apa aktiviti melipat atau membentuk yang lain;
5. Perlaminaan;
6. Pengkuarian;
7. Perlombongan atau pengekstrakan galian;
8. Pemprosesan fotograf, gambar, slaid atau filem, atau mana-mana kombinasinya;
9. Pembuatan reroti melainkan jika aktiviti itu dijalankan di suatu kilang;
10. Penyulingan dan penurasan air;
11. Rawatan air sisa dan sisa pepejal;
12. Percampuran dan persebatian keluaran petroleum;
13. Pembersihan, pemprosesan, pembungkusan, penyejukbekuan barang keluaran, atau mana-mana kombinasinya;
14. Mengecat, menggilap, memvarnis, atau mana-mana kombinasinya;
15. Mewarna, mengecap atau mencetak logo ke atas bahan atau pakaian, atau mana-mana kombinasinya;
16. Pengeluaran herba atau ubat tradisional, atau mana-mana kombinasinya;
17. Pengeluaran kayu gergaji, venier, papan lapis termasuklah pengeringan produk itu, atau mana-mana kombinasinya;
18. Memfotostat;
19. Aktiviti kitar semula yang melibatkan pengisihan, pemetongan, pembungkusan, atau mana-mana kombinasinya;
20. Aktiviti pembinaan kapal.